PERKEMBANGAN EKONOMI DAN KEWANGAN DI MALAYSIA PADA SUKU PERTAMA 2014

TINJAUAN KESELURUHAN


Ekonomi Malaysia berkembang 6.2% pada suku pertama 2014

Aktiviti ekonomi global berkembang pada kadar yang sederhana pada suku pertama. Ekonomi Amerika Syarikat mengalami pertumbuhan yang lebih perlahan, disebabkan terutamanya oleh keadaan cuaca buruk. Di kawasan euro, pemulihan ekonomi disokong oleh peningkatan eksport yang sederhana, manakala permintaan dalam negeri kekal lembap disebabkan oleh kelemahan struktur. Pertumbuhan dalam beberapa ekonomi Asia meningkat pada kadar yang lebih perlahan disebabkan permintaan dalam negeri yang terjejas oleh perkembangan khusus di negara-negara tersebut.

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 6.2% pada suku pertama 2014 (S4 2013: 5.1%), didorong oleh permintaan dalam negeri yang lebih kukuh dan eksport bersih yang pulih kembali. Dari segi penawaran, sektor ekonomi utama terus berkembang, disokong oleh aktiviti dalam negeri dan juga perdagangan. Berdasarkan asas suku tahunan terlaras secara bermusim (quarter-on-quarter seasonally-adjusted), ekonomi negara berkembang sebanyak 0.8% (S4 2013: 1.9%).

Pertumbuhan penggunaan swasta kekal kukuh pada 7.1% (S4 2013: 7.4%) pada suku pertama, disokong oleh keadaan guna tenaga yang stabil dan pertumbuhan upah yang berterusan. Pertumbuhan penggunaan awam meningkat kepada 11.2% (S4 2013: 5.2%), mencerminkan perbelanjaan Kerajaan yang lebih tinggi untuk bekalan dan perkhidmatan. Pembentukan modal tetap kasar meningkat sebanyak 6.3% (S4 2013: 6.5%), didorong oleh perbelanjaan modal sektor swasta yang kukuh dalam keadaan pertumbuhan pelaburan awam yang menguncup. Pertumbuhan pelaburan swasta kekal kukuh pada 14.1% (S4 2013: 16.6%), disokong oleh perbelanjaan modal dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Pelaburan awam menurun sebanyak 6.4% (S4 2013: -1.4%), mencerminkan penguncupan dalam perbelanjaan modal oleh Kerajaan Persekutuan dan perusahaan awam.

Pertumbuhan lebih kukuh sebanyak 6.2% pada suku pertama (pada harga malar tahun 2005)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Dari segi penawaran, pertumbuhan disokong oleh sektor ekonomi utama. Sektor perkhidmatan terus berkembang, didorong oleh subsektor kewangan dan insurans yang bertambah baik serta pertumbuhan yang mampan dalam perkhidmatan berkaitan penggunaan dan pengeluaran. Pertumbuhan dalam sektor perkilangan disokong oleh prestasi industri berorientasikan eksport yang lebih kukuh. Sektor pembinaan mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh, didorong terutamanya oleh subsektor kediaman. Sementara itu, sektor pertanian mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi, disokong oleh pengeluaran tanaman makanan, manakala sektor perlombongan merosot pada kadar yang lebih perlahan disebabkan oleh penguncupan yang lebih kecil dalam pengeluaran minyak mentah.

Kadar inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), meningkat pada kadar purata 3.4% pada suku pertama 2014 (S4 2013: 3%). Peningkatan ini disebabkan oleh inflasi yang lebih tinggi dalam kategori *perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain* dan *pengangkutan*.

Lebihan perdagangan berjumlah RM26.4 bilion pada suku pertama 2014 (S4 2013: RM27.5 bilion). Eksport kasar meningkat pada kadar yang lebih kukuh sebanyak 10.9% (S4 2013: 10.2%), mencerminkan aktiviti ekonomi global yang terus berkembang, manakala import kasar pula berkembang pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 5.5% (S4 2013: 11.6%).

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM424.6 bilion (bersamaan dengan USD130.2 bilion) pada 31 Mac 2014. Paras rizab ini telah mengambil kira pelarasan suku tahunan bagi perubahan penilaian semula pertukaran asing. Pada 30 April 2014, kedudukan rizab berjumlah RM427.8 bilion (bersamaan dengan USD131.2 bilion), memadai untuk membiayai 9.4 bulan import tertangguh dan ialah 1.3 kali hutang luar negeri jangka pendek yang diberikan definisi semula.

Malaysia telah mendefinisikan semula hutang luar negerinya berkuat kuasa pada suku pertama 2014. Langkah ini diambil berikutan kemajuan yang ketara dalam pasaran kewangan Malaysia dari segi kedalaman dan keluasannya, yang telah menghasilkan penyertaan pelabur bukan pemastautin yang lebih tinggi dalam sekuriti hutang domestik dalam denominasi ringgit sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Susulan definisi semula ini, pegangan sekuriti hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin, deposit bukan pemastautin, kredit perdagangan yang diberikan oleh rakan-rakan perdagangan asing dan liabiliti hutang lain, kini dimasukkan sebagai sebahagian daripada hutang luar negeri Malaysia. Pada akhir bulan Mac 2014, hutang luar negeri Malaysia di bawah definisi semula berjumlah RM700.1 bilion, bersamaan dengan USD212.5 bilion atau 65.2% daripada KDNK (akhir bulan Disember 2013: RM694.6 bilion atau USD209.2 bilion, bersamaan dengan 70.4% daripada KDNK). Peningkatan dalam hutang luar negeri ini disebabkan terutamanya oleh peminjaman luar pesisir oleh sektor swasta dan pegangan liabiliti hutang denominasi ringgit oleh bukan pemastautin yang lebih tinggi. Lebih separuh daripada jumlah hutang luar negeri mempunyai profil kematangan tempoh jangka panjang. Hutang jangka pendek kekal terurus dan dapat ditampung oleh rizab sebanyak 1.3 kali pada akhir bulan Mac 2014. Kedudukan luaran Malaysia kekal berdaya tahan, disokong oleh asas-asas ekonomi dalam negeri yang kukuh. Di samping itu, pasaran modal yang maju, pengantara kewangan yang teguh, dan kehadiran pelabur institusi domestik yang besar memberikan sistem kewangan Malaysia daya ketahanan yang lebih kukuh bagi menguruskan dengan berkesan sebarang kejutan luaran (lihat Rencana mengenai 'Definisi Semula Hutang Luar Negeri').

Kadar faedah kekal stabil

Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) kekal pada 3.00% pada suku pertama 2014. Pada paras semasa OPR, keadaan monetari terus menyokong aktiviti ekonomi.

Kadar faedah antara bank 3 bulan adalah lebih tinggi pada suku pertama berikutan tiada urus niaga dengan BNM pada tempoh matang 3 bulan kesan daripada pengurangan tempoh maksimum bagi Lelongan Julat Tempoh Kematangan (Range Maturity Auction, RMA) BNM daripada 3 bulan kepada 2 bulan. Kadar purata antara bank bagi tempoh matang yang lain secara relatif kekal stabil. Kadar deposit runcit stabil pada suku pertama. Kadar deposit tetap (FD) disebut purata bank perdagangan secara relatif tidak berubah. Kos peminjaman juga stabil. Kadar pinjaman asas (BLR) purata bank perdagangan kekal tidak berubah pada 6.53% manakala kadar pinjaman purata (ALR) berwajaran bagi pinjaman terkumpul secara amnya stabil pada tempoh itu (akhir bulan Mac 2014: 5.39%; akhir bulan Disember 2013: 5.36%).

Agregat monetari berkembang pada kadar yang lebih perlahan pada suku pertama 2014. Wang secara kecil atau M1 menurun sedikit iaitu sebanyak RM0.6 bilion pada suku itu. Pada asas tahunan, M1 berkembang sebanyak 11.4% pada akhir bulan Mac 2014 (akhir bulan Disember 2013: 13%). Wang secara luas atau M3 meningkat sebanyak RM19.5 bilion pada asas suku tahunan dengan mencatat kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 5.9% pada akhir bulan Mac 2014 (akhir Disember 2013: 8.1%). Pengembangan M3 pada suku

pertama sebahagian besarnya disebabkan oleh pemberian pinjaman sistem perbankan kepada sektor swasta dan tuntutan bersih terhadap Kerajaan yang lebih tinggi.

Jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal berjumlah RM282.2 bilion pada suku pertama (S4 2013: RM302.8 bilion). Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) terkumpul berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 9.6% pada akhir bulan Mac (akhir bulan Disember 2013: 9.8%). Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal adalah lebih tinggi pada RM39.4 bilion pada suku pertama (S4 2013: RM33.7 bilion). Pertumbuhan yang stabil dalam pembiayaan bersih terus menyokong pertumbuhan ekonomi.

Pergerakan ringgit dan kebanyakan mata wang serantau lain terus dipengaruhi oleh perkembangan global pada suku pertama. Dengan bermulanya langkah pengecilan program pembelian aset oleh Federal Reserve AS, kebimbangan terhadap prospek pertumbuhan dalam beberapa ekonomi sedang pesat membangun dan perkembangan geopolitik di Eropah Timur telah menyebabkan penghindaran risiko yang lebih tinggi dan aliran keluar dana dari pasaran kewangan serantau. Walau bagaimanapun, jangkaan bahawa langkah-langkah rangsangan akan dilaksanakan di RR China serta dasar monetari akomodatif yang berterusan di Amerika Syarikat memberikan sokongan kepada ringgit pada suku pertama. Secara keseluruhan, ringgit menambah nilai sebanyak 0.4% berbanding dengan dolar AS. Ringgit juga menambah nilai berbanding dengan euro (0.7%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan paun sterling (-0.5%) dan yen Jepun (-1.5%). Ringgit menunjukkan prestasi bercampur-campur berbanding dengan mata wang serantau.

Antara 1 April hingga 14 Mei 2014, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS sebanyak 1.4%. Ringgit juga menambah nilai berbanding dengan euro (1.6%), yen Jepun (0.7%), paun sterling (0.1%) dan kebanyakan mata wang serantau.

Kestabilan kewangan terus dipelihara

Sistem kewangan Malaysia terus berdaya tahan pada suku pertama meskipun pasaran kewangan global dan domestik mengalami turun naik. Pengantaraan kewangan terus disokong oleh institusi kewangan yang kukuh, keadaan pasaran kewangan yang teratur dan keyakinan yang berterusan terhadap sistem kewangan. Permodalan sistem perbankan terus kukuh dengan nisbah modal ekuiti biasa kumpulan 1 (CET1), nisbah modal kumpulan 1 dan nisbah jumlah modal telah jauh melebihi paras pengawalseliaan minimum, masing-masing pada 12%, 12.8% dan 14.4%. Jumlah penampan modal sistem perbankan berada pada paras melebihi RM80 bilion. Begitu juga, nisbah kecukupan modal sektor insurans kekal kukuh pada 249.7% (S4 2013: 246.1%), dengan penampan modal yang melebihi RM25 bilion.

Pemulihan global dan permintaan dalam negeri yang terus kukuh akan menyokong pertumbuhan

Melangkah ke hadapan, pemulihan ekonomi global dijangka berterusan. Perdagangan antarabangsa akan disokong oleh pemulihan yang berterusan dalam ekonomi maju. Di Asia, meskipun permintaan dalam negeri dijangka sederhana, ia tetap menyokong prestasi keseluruhan ekonomi ini. Pertumbuhan di rantau ini juga diberi sokongan tambahan daripada persekitaran luaran yang bertambah baik. Ketidakpastian yang berterusan mengenai dasar monetari dalam ekonomi maju utama, perkembangan ekonomi dalam ekonomi maju dan pasaran sedang pesat membangun, serta perkembangan geopolitik dijangka mengakibatkan turun naik yang berterusan dalam pasaran kewangan global.

Bagi ekonomi Malaysia, pertumbuhan akan terus dipacu oleh permintaan dalam negeri dengan sokongan tambahan daripada persekitaran luaran yang bertambah baik. Eksport akan terus mendapat manfaat daripada pemulihan dalam ekonomi maju, manakala permintaan dalam negeri dijangka terus menjadi pemacu utama pertumbuhan secara keseluruhan. Melangkah ke hadapan, ekonomi Malaysia dijangka kekal pada landasan pertumbuhan yang stabil.

PERKEMBANGAN PADA SUKU PERTAMA 2014

PERSEKITARAN EKONOMI ANTARABANGSA

Ekonomi berkembang pada kadar sederhana

Aktiviti ekonomi global berkembang pada kadar yang sederhana pada suku pertama. Dalam ekonomi maju, meskipun pemulihan berterusan secara beransur-ansur dalam kebanyakan ekonomi, Amerika Syarikat (AS) mengalami pertumbuhan yang lebih perlahan disebabkan terutamanya oleh keadaan cuaca yang buruk. Beberapa ekonomi di Asia berkembang pada kadar yang lebih perlahan memandangkan permintaan dalam negeri terjejas oleh faktor-faktor khusus di negara-negara berkenaan. Dalam keadaan persekitaran pertumbuhan yang sederhana dan inflasi yang rendah, dasar monetari global kekal sangat akomodatif.

Pada suku pertama, keadaan pasaran kewangan global adalah tidak menentu. Penghindaran risiko meningkat, mencerminkan terutamanya kebimbangan terhadap pertumbuhan dan perkembangan dasar monetari di AS serta risiko geopolitik yang semakin meningkat. Sentimen menerima kesan daripada data ekonomi di AS yang lebih lemah daripada jangkaan dan pengumuman Fed mengenai lanjutan pengecilan program pelonggaran kuantitatifnya (quantitative easing, QE). Dalam pasaran sedang pesat membangun, penghindaran risiko yang lebih ketara juga disebabkan oleh perkembangan yang tidak menggalakkan dalam beberapa ekonomi, seperti peningkatan risiko terhadap pertumbuhan yang makin rendah di Republik Rakyat China (RR China) serta ketegangan politik dan sosial di beberapa buah negara, termasuk Turki dan Argentina. Walaupun terdapat perkembangan yang buruk, kebanyakan indeks ekuiti global utama mengakhiri suku pertama pada paras yang lebih tinggi memandangkan kelemahan dalam aktiviti ekonomi di AS dianggap bersifat sementara. Yang penting, S&P 500 mencatat peningkatan suku tahunan berturut-turut buat kali kelima, dengan indeks ekuiti penanda aras mencatat beberapa paras tertinggi pada bulan Mac. Walau bagaimanapun, indeks ekuiti di Jepun dan RR China mengakhiri suku pertama pada paras yang lebih rendah. Pasaran ekuiti Jepun menjadi lembap disebabkan oleh kebimbangan mengenai impak yang mungkin timbul daripada kenaikan cukai penggunaan pada bulan April 2014. Di RR China, sentimen terjejas oleh peningkatan risiko terhadap pertumbuhan yang lebih perlahan berikutan kemungkiran yang berlaku dalam sektor kewangan.

Ekonomi AS menjadi sederhana pada suku pertama 2014 (2.3%; S4 2013: 2.6%), disebabkan terutamanya oleh keadaan cuaca buruk yang luar biasa. Berdasarkan pelarasan secara bermusim tahunan, pertumbuhan menjadi perlahan kepada 0.1% (S4 2013: 2.6%). Penambahan inventori lebih rendah manakala eksport menjadi sederhana. Pemulihan pasaran perumahan juga menjadi perlahan disebabkan oleh gabungan faktor kadar gadai janji yang tinggi dan cuaca buruk yang menjejaskan pembinaan dan jualan rumah. Walau bagaimanapun, sentimen pengguna dan perniagaan terus bertambah baik. Perbelanjaan pengguna meningkat, disokong oleh perbelanjaan penjagaan kesihatan yang lebih tinggi berikutan pelaksanaan *Affordable Care Act* dan perbelanjaan utiliti yang tinggi pada musim sejuk. Walaupun terdapat kelemahan berkaitan dengan cuaca, keadaan pasaran pekerja adalah menggalakkan dengan peluang pekerjaan bersih yang diwujudkan mampan pada 569,000 (S4 2013: 595,000). Inflasi meningkat kepada 1.4% (S4 2013: 1.2%), mencerminkan kadar sewa dan harga makanan yang lebih tinggi.

Di kawasan euro, pemulihan berterusan pada kadar yang perlahan. Permintaan dalam negeri bertambah baik, disokong oleh keadaan monetari yang akomodatif dan kadar konsolidasi

fiskal yang lebih perlahan. Namun, keadaan permintaan keseluruhan kekal lembap akibat daripada keadaan pembiayaan yang ketat serta kadar keberhutangan yang tinggi dan pengangguran yang meningkat. Inflasi menjadi sederhana kepada 0.7% (S4 2013: 0.8%) disebabkan oleh harga tenaga dan makanan yang rendah.

Aktiviti ekonomi di UK berkembang sebanyak 3.1% (S4 2013: 2.7%). Berdasarkan pelarasan secara bermusim, pertumbuhan suku tahunan meningkat sebanyak 0.8% (S4 2013: 0.7%). Sektor perkhidmatan kekal sebagai penyumbang utama pertumbuhan disebabkan terutamanya pengembangan subsektor perkhidmatan perniagaan dan kewangan. Kadar inflasi menjadi sederhana kepada 1.7% (S4 2013: 2.1%) berikutan kadar kenaikan harga makanan dan perkhidmatan rekreasi yang lebih perlahan.

Di Jepun, ekonominya terus mendapat manfaat daripada peningkatan permintaan dalam negeri. Penggunaan swasta meningkat, disokong oleh perbelanjaan runcit yang lebih tinggi berikutan permintaan yang disegerakan sebelum kenaikan cukai penggunaan pada 1 April 2014. Pelaburan disokong oleh sentimen perniagaan yang bertambah baik seperti ditunjukkan oleh indeks kaji selidik Tankan bagi perusahaan perkilangan besar, yang meningkat kepada 17 (S4 2013: 16). Dalam sektor luar negeri, eksport meningkat lebih perlahan disebabkan terutamanya oleh penghantaran yang lebih rendah ke Asia, AS dan Eropah Barat. Inflasi (kecuali makanan segar) meningkat (1.3%; S4 2013: 1.1%) berikutan kenaikan harga barangan tahan lama isi rumah, utiliti dan rekreasi. Inflasi teras adalah pada 0.7% (S4 2013: 0.5%).

Pendirian dasar monetari dalam ekonomi maju kekal sangat akomodatif, meskipun tanda-tanda perubahan dalam kecenderungan dasar mulai timbul sebagai mencerminkan kadar pemulihan ekonomi yang tidak sekata. Fed telah menunjukkan tanda-tanda kemungkinan dasar monetari akan kembali pada keadaan yang wajar jika momentum aktiviti ekonomi terus meningkat manakala BoE menyatakan bahawa kadar faedah akan dinaikkan sebaik sahaja usahanya untuk mengurangkan kelembapan ekonomi mencapai perkembangan yang menggalakkan. Sebaliknya, European Central Bank (ECB) dan Bank of Japan (BoJ) menegaskan semula komitmen mereka untuk mengekalkan pendirian dasar monetari yang akomodatif berikutan inflasi yang rendah dan pemulihan ekonomi yang lembap.
Fed terus mengurangkan kadar pembelian asetnya sebanyak USD10 bilion pada setiap mesyuaratnya dengan mengurangkan jumlah pembelian aset kepada USD45 bilion bermula bulan Mei 2014 (bulan April 2014: USD55 bilion; Disember 2013: USD85 bilion). Semasa mesyuarat Federal Open Market Committee (FOMC) pada bulan Mac, Fed mengumumkan pendirian dasar monetarinya akan datang (forward guidance) yang kekal rendah dalam tempoh yang agak panjang

Ekonomi Maju: Pertumbuhan KDNK Benar

	2013			2014
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
AS[1]	1.1	2.6	1.9	0.1[a]
UK	0.5	2.7	1.7	3.1[p]

[1] Berasaskan kadar tahunan (annualised)
[a] Anggaran awal
[p] Awalan

Sumber: Pihak berkuasa negara

Negara Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar

	2013			2014
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan Tahunan (%)			
RR China	7.7	7.7	7.7	7.4
Indonesia	6.0	5.7	5.8	5.2
Singapura	0.6	5.5[d]	4.1[d]	5.1[a]
Korea	2.1	3.7[d]	3.0[d]	3.9[a]
China Taipei	1.4	2.9	2.1[d]	3.0[a]

[a] Anggaran awal
[d] Disemak

Sumber: Pihak berkuasa negara

selepas berakhirnya QE, tetapi memansuhkan kadar paras ambang (numerical threshold) pada 6.5% bagi kadar pengangguran. Meskipun jangkaan pertumbuhan secara keseluruhan tidak berubah, Fed mengunjurkan kadar pengangguran masing-masing akan mencecah 6.1-6.3% dan 5.6-5.9% menjelang akhir tahun 2014 dan 2015 (sebelumnya: masing-masing 6.3-6.6% dan 5.3-5.8%). Pada bulan Februari, Bank of England (BoE) juga menumpukan semula forward guidancenya daripada penekanan utama terhadap paras ambang kadar pengangguran kepada penilaian keseimbangan kadar pengangguran jangka sederhana berdasarkan keupayaan lebihan ekonomi. Ini berikutan penilaian BoE bahawa paras ambang kadar pengangguran pada 7% akan dicapai lebih dahulu daripada jangkaan awal. ECB menegaskan bahawa kadar faedah utamanya akan kekal pada paras semasa atau lebih rendah untuk tempoh yang lebih panjang berikutan jangkaan inflasi yang lemah dan kelemahan ekonomi yang menyeluruh dalam jangka sederhana.

Aktiviti ekonomi di beberapa ekonomi Asia menjadi sederhana pada suku pertama disebabkan oleh perkembangan khusus di negara-negara berkenaan. Di RR China, pertumbuhan lebih rendah pada 7.4% (S4 2013: 7.7%), mencerminkan terutamanya pelaburan yang berkurang dan sumbangan negatif yang lebih besar daripada eksport bersih. Pertumbuhan di Indonesia menjadi sederhana kepada 5.2% (S4 2013: 5.7%) disebabkan terutamanya oleh eksport bersih dan penggunaan kerajaan yang lebih rendah berikutan langkah konsolidasi fiskal. Di Singapura, ekonominya menjadi sederhana kepada 5.1% (S4 2013: 5.5%) apabila pertumbuhan yang lebih perlahan dalam sektor perkhidmatan telah lebih daripada mengimbangi pengembangan berterusan dalam sektor perkilangan dan pembinaan. Di Korea dan China Taipei, aktiviti ekonomi bertambah baik, disokong oleh penggunaan swasta dan eksport bersih.

Inflasi meningkat dalam beberapa ekonomi Asia (Filipina, China Taipei dan Thailand) disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga makanan. Di Korea, inflasi meningkat pada kadar yang lebih cepat apabila harga utiliti meningkat. Sebaliknya, inflasi di Singapura, Hong Kong SAR dan Indonesia menjadi perlahan, disebabkan sebahagiannya oleh kos pengangkutan yang lebih rendah. Inflasi menjadi sederhana di Singapura dan Indonesia masing-masing disebabkan oleh pertumbuhan lebih perlahan dalam harga perumahan dan makanan.

Pada suku pertama, bank pusat di rantau ini mengekalkan pendirian dasar akomodatif dalam persekitaran inflasi yang rendah dan aktiviti ekonomi yang berkembang dengan sederhana. Pada bulan Mac, Bank of Thailand mengurangkan kadar dasar utamanya sebanyak 25 mata asas kepada 2.00% untuk menyokong aktiviti ekonomi, memandangkan terdapat peningkatan terhadap risiko pertumbuhan yang lebih perlahan berikutan pergolakan politik yang berpanjangan. Sebaliknya, Reserve Bank of India (RBI) menaikkan kadar repo dasarnya sebanyak 25 mata asas kepada 8.00% pada suku tersebut untuk mengawal tekanan inflasi. Pada bulan April, RBI menambah mudah tunai untuk repo bertempoh 7 hari dan 14 hari serta mengurangkan mudah tunai bagi repo semalaman untuk meningkatkan transmisi kadar dasarnya.

Harga minyak mentah Brent kekal pada purata USD108 setong pada suku pertama (S4 2013: USD108 setong). Harga minyak kekal tinggi apabila kebimbangan meningkat berhubung dengan kemungkinan berlakunya gangguan bekalan dari Russia, pengeluar minyak terbesar dunia, berikutan ketegangan geopolitik dengan Ukraine yang semakin meningkat. Pengurangan pengeluaran yang berterusan daripada pengeluar utama OPEC menambah tekanan terhadap harga minyak, dengan harga mencecah paras tinggi USD110 setong pada bulan Februari. Walau bagaimanapun, kenaikan harga minyak seterusnya terkawal disebabkan oleh beberapa faktor, termasuk paras inventori minyak mentah yang lebih tinggi di negara utama OECD, peningkatan permintaan minyak yang sederhana di negara pengguna minyak utama serta penambahan pengeluaran minyak

shale di AS. Menjelang akhir suku pertama, harga minyak menjadi sederhana kepada USD108 setong.

Mata wang utama mengakhiri suku pertama pada paras yang lebih tinggi berbanding dengan dolar AS manakala kebanyakan mata wang serantau pula mengakhiri suku pertama pada paras yang lebih rendah. Euro dan paun sterling menambah nilai disebabkan oleh pengumuman data ekonomi dalam negeri dan KDNK yang menggalakkan pada suku keempat. Sementara itu, yen menambah nilai berikutan permintaan terhadap mata wang ini yang lebih tinggi disebabkan oleh sifat "safe haven" mata wang ini dalam keadaan tekanan geopolitik yang semakin meningkat. Di Asia, mata wang serantau menyusut nilai disebabkan oleh peningkatan penghindaran risiko yang didorong oleh kebimbangan mengenai risiko pertumbuhan dan kewangan di RR China, kelemahan beberapa ekonomi sedang pesat membangun seperti Turki dan Argentina serta tekanan geopolitik yang semakin meningkat di Ukraine. Walau bagaimanapun, menjelang akhir suku pertama, sentimen yang positif terhadap kemungkinan lebih tinggi bahawa RR China akan melaksanakan rangsangan ekonomi telah memberikan sedikit sokongan kepada mata wang Asia. Di RR China, penyusutan nilai renminbi pada suku pertama didorong sebahagiannya oleh julat transaksi kadar pertukaran yang lebih besar kepada +/-2% daripada +/-1% oleh People's Bank of China (PBoC) untuk menambah fleksibiliti dua hala mata wang tersebut. Rupiah Indonesia, bagaimanapun, menambah nilai disebabkan oleh sentimen pelabur yang bertambah baik susulan prospek politik yang lebih menggalakkan.

Melangkah ke hadapan, pemulihan ekonomi global dijangka berterusan. Aktiviti perdagangan antarabangsa akan terus mendapat manfaat daripada prospek pertumbuhan ekonomi maju yang bertambah baik. Di Asia, meskipun permintaan dalam negeri dijangka menjadi sederhana, ia akan terus menyokong prestasi keseluruhan ekonomi rantau ini dan ditambah pula oleh sokongan daripada keadaan luaran yang bertambah baik. Ketidakpastian yang berterusan mengenai dasar monetari di ekonomi maju utama, perkembangan ekonomi dalam negara maju dan negara sedang pesat membangun serta perkembangan geopolitik, dijangka mengakibatkan turun naik yang berterusan dalam pasaran kewangan global.

PERKEMBANGAN EKONOMI MALAYSIA

Pertumbuhan yang lebih tinggi disokong oleh permintaan dalam negeri yang lebih kukuh dan perdagangan yang bertambah baik


Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 6.2% pada suku pertama 2014 (S4 2013: 5.1%). Pertumbuhan didorong oleh permintaan dalam negeri yang meningkat lebih kukuh dan eksport bersih yang pulih kembali. Aktiviti sektor swasta terus menjadi pemacu utama pertumbuhan pada suku pertama, dengan pertumbuhan yang kukuh secara berterusan dalam aktiviti penggunaan dan pelaburan. Eksport barangan dan perkhidmatan benar meningkat pada kadar yang lebih cepat, manakala import barangan dan perkhidmatan benar mampan, lantas menghasilkan pertumbuhan eksport bersih yang positif. Berdasarkan asas suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi negara mencatat pertumbuhan sebanyak 0.8% (S4 2013: 1.9%).

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan
(pada harga malar tahun 2005)

	2013			2014
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	7.5	6.7	7.4	7.4
Penggunaan	5.3	6.8	7.0	7.8
Sektor swasta	*6.4*	*7.4*	*7.2*	*7.1*
Sektor awam	*0.6*	*5.2*	*6.3*	*11.2*
Pembentukan Modal Tetap Kasar	13.0	6.5	8.5	6.3
Sektor swasta	*10.0*	*16.6*	*13.1*	*14.1*
Sektor awam	*18.4*	*-1.4*	*2.2*	*-6.4*
Eksport Bersih	-12.9	-6.8	-12.6	-14.9
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*-3.4*	*5.7*	*0.6*	*7.9*
Import Barangan dan Perkhidmatan	*-2.2*	*7.1*	*2.0*	*7.1*
KDNK	**4.2**	**5.1**	**4.7**	**6.2**
KDNK (Suku tahunan terlaras secara bermusim)	**-0.3**	**1.9**	**t.d.**	**0.8**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

PMTK Mengikut Jenis Aset



* Aset lain termasuk eksplorasi mineral, penyelidikan & pembangunan, dan lain-lain

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Permintaan dalam negeri mencatat pertumbuhan lebih kukuh

Permintaan dalam negeri berkembang sebanyak 7.4% pada suku pertama 2014 (S4 2013: 6.7%). Penggunaan dan pelaburan swasta terus mengekalkan prestasi yang kukuh, dengan pelaburan swasta mencatat pertumbuhan dua angka. Perbelanjaan sektor awam mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh apabila perbelanjaan penggunaan yang lebih tinggi mengimbangi penurunan dalam pelaburan awam.

Pertumbuhan **penggunaan swasta** kekal kukuh pada 7.1% (S4 2013: 7.4%) pada suku pertama 2014, disokong oleh keadaan guna tenaga yang stabil dan pertumbuhan upah yang berterusan. Pertumbuhan **penggunaan awam** meningkat kepada 11.2% (S4 2013: 5.2%), mencerminkan perbelanjaan Kerajaan yang lebih tinggi untuk bekalan dan perkhidmatan.

Pembentukan modal tetap kasar meningkat sebanyak 6.3% (S4 2013: 6.5%), didorong oleh perbelanjaan modal sektor swasta yang kukuh dalam keadaan pertumbuhan pelaburan awam yang menurun. Pertumbuhan pelaburan swasta kekal kukuh pada 14.1% (S4 2013: 16.6%), disokong oleh perbelanjaan modal dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Pelaburan awam menurun sebanyak 6.4% (S4 2013: -1.4%) mencerminkan penguncupan dalam perbelanjaan modal oleh Kerajaan Persekutuan dan perusahaan awam.
Dari segi jenis aset, aktiviti pelaburan didorong terutamanya oleh perbelanjaan terhadap struktur

yang utuh (14.7%; S4 2013: 9.6%), yang lebih daripada mengimbangi penurunan dalam pelaburan untuk jentera dan kelengkapan. (-1.8%; S4 2013: +2.7%).

Sektor ekonomi utama terus berdaya tahan

Dari segi penawaran, pertumbuhan disokong oleh sektor ekonomi utama. Sektor perkhidmatan terus berkembang, didorong oleh subsektor kewangan dan insurans yang bertambah baik, serta pertumbuhan yang mampan dalam perkhidmatan berkaitan penggunaan dan pengeluaran. Pertumbuhan dalam sektor perkilangan didorong oleh prestasi industri berorientasikan eksport yang kukuh. Sektor pembinaan mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh didorong terutamanya oleh subsektor kediaman. Sementara itu, sektor pertanian mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi, disokong oleh pengeluaran tanaman makanan, manakala sektor perlombongan merosot pada kadar yang lebih perlahan disebabkan oleh penguncupan yang lebih kecil dalam pengeluaran minyak mentah .

Sektor perkhidmatan terus berkembang pada suku pertama 2014 (6.6%; S4 2013: 6.4%), disokong oleh subsektor kewangan dan insurans yang bertambah baik dan prestasi yang menggalakkan dalam perkhidmatan berkaitan penggunaan dan pengeluaran. Pertumbuhan subsektor kewangan dan insurans bertambah baik (2.4%; S4 2013: 0.5%), disebabkan terutamanya oleh segmen insurans yang pulih kembali. Subsektor perdagangan borong dan runcit mencatat prestasi yang mampan (8.6%; S4 2013: 8.4%), disokong oleh perbelanjaan isi rumah yang berterusan pada suku pertama. Dalam subsektor komunikasi, pertumbuhan kekal mantap (10.1%; S4 2013: 10.3%), disokong oleh permintaan terhadap perkhidmatan komunikasi data yang berterusan.

Sektor perkilangan berkembang sebanyak 6.8% pada suku pertama 2014 (S4 2013: 5.2%), disokong

KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2005)

	Bahagian 2013 (%)	2013			2014
		S1	S4	Tahun	S1
		Perubahan tahunan (%)			
Pertanian	7.1	6.2	0.2	2.1	2.3
Perlombongan	8.1	-1.5	-1.2	0.7	-0.8
Perkilangan	24.5	0.4	5.2	3.5	6.8
Pembinaan	3.8	14.2	9.8	10.9	18.9
Perkhidmatan	55.2	6.1	6.4	5.9	6.6
KDNK Benar	**100.0[1]**	**4.2**	**5.1**	**4.7**	**6.2**
KDNK Benar (Suku tahunan terlaras secara bermusim)	**-**	**-0.3**	**1.9**	**-**	**0.8**

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Sektor Perkhidmatan (nilai ditambah pada harga malar tahun 2005)

	Bahagian 2013 (%)	2013			2014
		S1	S4	Tahun	S1
		Perubahan tahunan (%)			
Perkhidmatan Pengantara	**40.8**	**6.4**	**4.9**	**5.1**	**5.7**
Kewangan & insurans	16.6	6.3	0.5	1.8	2.4
Harta tanah & perkhidmatan perniagaan	10.3	6.5	8.3	7.5	8.6
Pengangkutan & penyimpanan	6.6	3.8	5.4	4.6	4.8
Komunikasi	7.4	9.0	10.3	10.0	10.1
Perkhidmatan Akhir	**59.2**	**5.9**	**7.5**	**6.4**	**7.1**
Perdagangan borong & runcit	26.1	5.7	8.4	6.4	8.6
Penginapan & restoran	4.5	6.4	5.8	5.7	6.0
Utiliti	4.5	3.9	4.4	4.1	3.2
Perkhidmatan Kerajaan	15.0	7.1	8.6	8.3	7.7
Perkhidmatan lain	9.1	5.2	5.1	5.1	4.8
Jumlah Perkhidmatan	**100.0[1]**	**6.1**	**6.4**	**5.9**	**6.6**

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penunjuk Suku Tahunan Terpilih Sektor Perkhidmatan

	2013			2014
	S1	S4	Tahun	S1
	Indeks			
Indeks Sentimen Pengguna MIER	122.9	82.4	104.3	96.8
Indeks Perdagangan Runcit MIER	101.0	81.7	98.9	86.3
Indeks Pasaran Pelancongan MIER	115.5	140.3	126.8	115.8
	Perubahan tahunan (%)			
Ketibaan pelancong	15.9	1.2	2.7	-
Jumlah penumpang di kesemua lapangan terbang	9.1	24.1	19.0	18.9
Jumlah kredit penggunaan terkumpul	7.7	6.2	6.2	4.8
Jumlah pinjaman terkumpul	10.6	10.6	10.6	10.2
Pinjaman terkumpul kepada perdagangan borong & runcit, hotel & restoran	14.2	11.1	11.1	5.6
Import barangan penggunaan	3.0	9.3	8.7	15.6
Jumlah jualan kenderaan bermotor	13.9	-0.9	4.5	1.4
Kargo kontena yang dikendalikan (Pelabuhan Klang dan PTP)	-0.4	2.7	1.5	3.7

Sumber: Pelbagai sumber

Prestasi Sektor Perkilangan

	Bahagian 2013 (%)	2013			2014
		S1	S4	Tahun	S1
		Perubahan Tahunan (%)			
Nilai Ditambah (RM juta pada harga malar tahun 2005)		**0.4**	**5.2**	**3.5**	**6.8**
Pengeluaran Perkilangan Keseluruhan[1]	**100.0**	**-0.2**	**4.9**	**4.2**	**7.0**
Industri berorientasikan eksport	**74.8**	**-1.3**	**3.8**	**3.3**	**6.9**
Kelompok elektronik dan keluaran elektrik	**24.2**	**2.8**	**16.9**	**10.0**	**15.5**
Antaranya:					
Elektronik	15.3	10.2	25.4	18.6	19.8
Keluaran elektrik	8.9	-9.2	1.2	-5.1	7.1
Kelompok keluaran berkaitan sumber	**50.7**	**-3.0**	**-1.8**	**0.3**	**2.9**
Antaranya:					
Kimia dan keluaran kimia	14.3	-3.9	-1.1	-0.7	1.4
Keluaran petroleum	21.0	-8.5	-4.0	0.2	6.5
Keluaran getah	2.5	13.8	6.8	8.2	-0.8
Pemprosesan di luar estet	4.5	10.9	-1.5	1.7	0.7
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**25.2**	**2.9**	**8.0**	**6.8**	**7.2**
Kelompok berkaitan pembinaan	**11.3**	**5.0**	**3.5**	**4.9**	**2.9**
Antaranya:					
Keluaran berkaitan pembinaan	8.2	1.7	2.2	1.3	1.1
Keluaran logam yang direka	3.1	11.6	5.8	12.2	6.3
Kelompok keluaran berkaitan pengguna	**13.8**	**1.2**	**11.6**	**8.5**	**10.8**
Antaranya:					
Kelengkapan pengangkutan	5.5	-1.6	23.4	13.8	17.1
Makanan, minuman & keluaran tembakau	7.3	4.7	1.1	4.9	5.3


[1] Indeks Pengeluaran Perindustrian (2010=100)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

oleh prestasi industri berorientasikan eksport yang lebih kukuh dan industri berorientasikan dalam negeri yang terus meningkat. Industri berorientasikan eksport berkembang sebanyak 6.9% (S4 2013: 3.8%), seiring dengan prestasi perdagangan luaran yang lebih baik pada suku pertama.

Pertumbuhan didorong terutamanya oleh kelompok elektrik dan elektronik (E&E), terutamanya separa konduktor. Industri berorientasikan pasaran dalam negeri berkembang sebanyak 7.2% (S4 2013: 8%), disokong oleh kelompok berkaitan pengguna, terutamanya kelengkapan pengangkutan.

Kadar penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan*



* Mulai 2012, kadar penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan telah diasaskan semula daripada nilai tambah tahun 2006 kepada nilai tambah tahun 2009

Sumber: Bank Negara Malaysia & Jabatan Perangkaan Malaysia

Kadar penggunaan kapasiti keseluruhan dalam sektor perkilangan kekal pada 78% (S4 2013: 80%). Industri berorientasikan eksport dan dalam negeri masing-masing beroperasi pada 79% dan 75% daripada jumlah kapasiti (S4 2013: masing-masing 82% dan 73%).

Sektor **pembinaan** berkembang pesat pada suku pertama (18.9%; S4 2013: 9.8%), didorong terutamanya oleh subsektor kediaman. Prestasi pertumbuhan yang lebih kukuh dalam subsektor bukan kediaman dan kejuruteraan awam memberikan sokongan selanjutnya kepada sektor tersebut. Pertumbuhan yang kukuh dalam subsektor kediaman disokong oleh pembinaan projek harta tanah bertingkat tinggi, terutamanya di Lembah Kelang, Pulau Pinang dan Johor. Pertumbuhan dalam subsektor bukan kediaman disokong oleh pembinaan projek komersial dan perindustrian. Sementara itu, pertumbuhan subsektor kejuruteraan awam mencerminkan kemajuan berterusan untuk projek landasan kereta api, utiliti, dan jalan raya, seperti projek Aliran Transit Laju MY (MRT) di Lembah Klang, penyambungan Aliran Transit Ringan (LRT), loji jana kuasa Tanjung Bin dan Janamanjung serta pelebaran Lebuh Raya Utara-Selatan.

Nilai ditambah **sektor pertanian** meningkat sebanyak 2.3% (S4 2013: 0.2%), disebabkan oleh pengeluaran tanaman makanan yang lebih tinggi. **Sektor perlombongan** merosot dengan lebih perlahan (-0.8%, S4 2013: -1.2%) disebabkan oleh penguncupan lebih kecil dalam pengeluaran minyak mentah.

Penunjuk bagi Sektor Pembinaan

	2013			2014
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Nilai kerja pembinaan	16.3	11.3	12.7	21.1
Kediaman	10.8	18.3	19.6	33.1
Bukan kediaman	-1.4	18.1	6.6	19.9
Kejuruteraan awam[1]	40.6	2.8	13.3	14.5
Kelulusan perumahan	-19.4	-31.2	-24.5	-47.6
Pengeluaran[2] bahan berkaitan pembinaan	5.0	3.5	4.9	2.9
Pembuatan Simen hidraulik	3.1	6.2	4.2	1.3
Bahan lain daripada Artikel konkrit, simen dan plaster t.t.t.l	-2.2	25.5	5.3	37.0
Pembuatan Produk porselin dan seramik lain	-9.4	3.1	-5.6	15.2
Pembuatan Komponen berstruktur pasang siap untuk bangunan atau kejuruteraan awam daripada simen, konkrit atau batu buatan	1.7	6.5	1.7	2.6
Import barangan modal (tidak termasuk barangan besar)	7.3	-2.2	-0.8	-3.3
Pinjaman untuk sektor pembinaan				
Kelulusan	-28.9	0.6	-10.5	-32.8
Pengeluaran	23.5	17.9	14.4	20.1

[1] Termasuk kerja-kerja pertukangan khas seperti penyediaan tapak, pemasangan elektrik dan mengecat
[2] Indeks Pengeluaran Perindustrian (2010=100)
t.t.t.l: Tidak tercatat di tempat lain

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, dan Bank Negara Malaysia

Prestasi Sektor Pertanian

	Bahagian 2013 (%)	2013			2013
		S1	S4	Tahun	S1
		Perubahan tahunan (%)			
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2005)	**7.7**	**6.2**	**0.2**	**2.1**	**2.3**
Tanaman Industri	**4.2**	**5.6**	**-2.9**	**-1.3**	**-1.0**
Antaranya:					
Kelapa Sawit	2.8	14.6	-1.2	2.6	1.6
Getah	0.7	-0.9	-14.4	-10.1	-12.1
Tanaman Makanan	**3.5**	**6.8**	**4.6**	**6.3**	**6.1**
Antaranya:					
Perikanan	1.1	7.7	-3.3	1.6	2.1
Ternakan	0.8	6.4	10.6	9.4	7.9

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Sektor Perlombongan

	Bahagian 2013 (%)	2013			2014
		S1	S4	Tahun	S1
		Perubahan tahunan (%)			
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2005)	**8.8**	**-1.5**	**-1.2**	**0.7**	**-0.8**
Pengeluaran					
Antaranya:					
Minyak mentah dan kondensat	-	-3.5	-8.3	-2.9	-2.4
Gas asli	-	0.3	3.2	4.4	0.3


Sumber: PETRONAS
Jabatan Perangkaan Malaysia

Inflasi pada kadar purata 3.4% pada suku pertama

Kadar inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), berpurata 3.4% pada suku pertama 2014 (S4 2013: 3%). Peningkatan inflasi disumbangkan oleh inflasi yang lebih tinggi dalam kategori *perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain* dan *pengangkutan*. Pada suku pertama, peningkatan dalam sewa dan tarif elektrik telah menyumbang kepada inflasi yang lebih tinggi dalam kategori *perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain*. Dalam kategori *pengangkutan*, harga petrol RON97 telah dinaikkan sebanyak tiga kali pada suku pertama dengan jumlah kenaikan sebanyak 15 sen/liter. Sementara itu, inflasi dalam kategori *makanan dan minuman bukan alkohol* pada suku pertama stabil pada 4% (S4 2013: 4%). Inflasi yang lebih tinggi dalam subkategori *makanan di luar rumah* diimbangi oleh inflasi yang lebih rendah dalam subkategori *makanan di rumah.*

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) meningkat pada kadar tahunan sebanyak 3% pada suku pertama (S4 2013: 2.2%). Dari segi komposisi, harga komponen berkaitan komoditi meningkat sebanyak 6.8% (S4 2013: 6.3%), manakala harga komponen bukan berkaitan komoditi meningkat sebanyak 0.9% (S4 2013: 0.1%). Sementara itu, harga bagi kedua-dua komponen tempatan dan komponen diimport masing-masing meningkat sebanyak 4.1% dan 0.4% (S4 2013: masing-masing 3.4% dan -0.5%).

Sumbangan kepada Inflasi Harga Pengguna




Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar pengangguran pada 3.1%

Keadaan guna tenaga kekal stabil, dengan jumlah guna tenaga sebanyak 13.5 juta orang pada suku pertama 2014 (S4 2013: 13.7 juta orang). Kadar pengangguran kekal pada 3.1% pada suku pertama (S4 2013: 3.2%).

Jumlah pemberhentian pekerja yang dilaporkan kepada Kementerian Sumber Manusia menurun kepada 2,437 orang (S4 2013: 2,584 orang), yang terutamanya berlaku dalam sektor perkilangan. Permintaan untuk pekerja menjadi sederhana seperti dicerminkan dalam bilangan jawatan kosong yang lebih rendah di Portal JobsMalaysia (353,030 jawatan; S4 2013: 366,203 jawatan). Agregat upah benar dalam sektor perkilangan meningkat lebih perlahan pada kadar 3.7% (S4 2013: 6.5%) akibat pertumbuhan upah yang lebih perlahan dalam industri berorientasikan dalam negeri.

Keadaan Pasaran Pekerja



Nota: Mulai tahun 2012, data kekosongan jawatan tidak boleh dibandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya ekoran pengelasan semula data

Sumber: Kementerian Sumber Manusia

Kedudukan luar negeri bertambah baik pada suku pertama

Lebihan akaun semasa meningkat kepada RM19.8 bilion pada suku pertama, yang bersamaan dengan 7.9% daripada PNK (S4 2013: RM14.8 bilion atau 5.8% daripada PNK) disebabkan oleh lebihan perdagangan yang mampan dan defisit akaun perkhidmatan dan akaun pendapatan yang lebih rendah.

Lebihan perdagangan berjumlah RM26.4 bilion pada suku pertama 2014 (S4 2013: RM27.5 bilion). Eksport kasar meningkat dengan lebih kukuh sebanyak 10.9% (S4 2013: 10.2%), mencerminkan

aktiviti ekonomi global yang terus berkembang manakala import kasar berkembang dengan lebih sederhana pada kadar 5.5% (S4 2013: 11.6%).

Eksport kasar mengembang secara menyeluruh. Prestasi eksport perkilangan yang kukuh disebabkan oleh produk elektronik dan elektrik (E&E) dan produk bukan E&E serta asas yang rendah sejak suku pertama 2013. Eksport E&E terus berkembang pada kadar dua angka, didorong permintaan yang kukuh terhadap separa konduktor, manakala eksport produk bukan E&E yang bertambah baik dicatat merentas produk berasaskan sumber dan produk bukan berasaskan sumber. Eksport komoditi terus berkembang, meskipun pada kadar yang lebih sederhana. Ini disokong oleh harga minyak sawit dan LNG yang lebih tinggi. Dari segi destinasi, eksport ke RR China kekal kukuh manakala eksport ke ekonomi maju utama bertambah baik. Di rantau ini, eksport ke ekonomi ASEAN adalah lebih rendah, sejajar dengan aktiviti ekonomi yang lebih sederhana dalam ekonomi-ekonomi tersebut.

Import kasar mengembang dengan lebih sederhana pada suku pertama, disebabkan terutamanya oleh import modal yang merosot. Ini mencerminkan kesan asas akibat import kelengkapan pengangkutan yang tinggi pada suku pertama tahun lepas. Import barangan pengantara terus meningkat meskipun secara lebih sederhana, disokong oleh prestasi eksport perkilangan yang kukuh pada suku tersebut. Pertumbuhan dua angka bagi import produk untuk dieksport semula mencerminkan aktiviti penyimpanan yang terus berkembang di Johor selatan, yang sebahagian besarnya untuk menampung petroleum bertapis dan logam. Sementara itu, peningkatan import barangan pengguna yang lebih cepat adalah disebabkan oleh import barangan pengguna tahan lama dan tidak tahan lama yang lebih tinggi dan juga makanan dan minuman yang diproses.

Akaun perkhidmatan mencatat defisit lebih kecil sebanyak RM2.7 bilion pada suku pertama (S4 2013: -RM4.1 bilion). Defisit yang lebih rendah ini disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam penerimaan perjalanan bersih dan defisit akaun pengangkutan yang lebih kecil. Walaupun hasil penerimaan daripada perjalanan secara relatif tinggi sedikit berbanding dengan suku sebelumnya, peningkatan dalam penerimaan bersih didorong terutamanya oleh pembayaran perjalanan yang lebih rendah, memandangkan jumlah pemastautin Malaysia yang mengembara

Akaun Perdagangan

	Bahagian 2013 (%)	2012		2013	
		S1	S4	Tahun	S1
		Perubahan tahunan (%)			
Eksport Kasar	**100.0**	**-2.6**	**10.2**	**2.4**	**10.9**
Perkilangan	67.1	-3.2	10.0	2.7	13.0
E&E	*32.9*	*-4.9*	*13.1*	*2.4*	*12.5*
Bukan E&E	*34.2*	*-1.5*	*7.0*	*3.0*	*13.3*
Berasaskan sumber	*14.9*	*-2.3*	*2.2*	*0.0*	*8.7*
Bukan berasaskan sumber	*19.3*	*-0.8*	*10.9*	*5.5*	*17.2*
Komoditi	32.2	*-1.8*	*12.0*	2.4	*7.1*
Mineral	*22.6*	6.2	22.8	*11.6*	9.2
Pertanian	*9.6*	*-17.0*	*-8.3*	*-14.4*	*2.0*
Import Kasar	**100.0**	**6.4**	**11.6**	**7.0**	**5.5**
Barangan pengantara	58.4	0.0	10.5	4.3	4.4
Barangan modal	15.2	13.8	1.5	2.8	-6.5
Barangan penggunaan	7.3	3.0	9.3	8.7	15.6
Eksport semula dan barangan dua kegunaan	19.0	26.6	25.5	19.7	15.7
Imbangan perdagangan (RM bilion)	**–**	**16.3**	**27.5**	**70.7**	**26.4**

Sumber: MATRADE dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Imbangan Pembayaran[1]

	2013			2014
	S1	S4	Tahun	S1
	RM bilion			
Akaun Semasa	**13.2**	**14.8**	**39.9**	**19.8**
(% daripada PNK)	*5.8*	*5.8*	*4.2*	*7.9*
Barangan	28.0	33.3	108.2	33.6
Perkhidmatan	-2.6	-4.1	-16.7	-2.7
Pendapatan primer	-8.0	-10.0	-34.1	-6.4
Pendapatan sekunder	-4.2	-4.4	-17.5	-4.6
Akaun Kewangan	**1.2**	**-9.7**	**-15.8**	**-37.6**
Pelaburan langsung	-2.8	-4.0	-5.5	-14.6
Aset	*-11.6*	*-6.5*	*-41.2*	*-20.4*
Liabiliti	*8.8*	*10.4*	*35.7*	*5.8*
Pelaburan portfolio	3.9	-0.8	-3.0	-13.4
Aset	*-5.3*	*-5.4*	*-32.1*	*-7.6*
Liabiliti	*9.2*	*4.6*	*29.1*	*-5.8*
Derivatif kewangan	0.2	0.4	-0.3	-1.5
Pelaburan lain	-0.2	-13.3	-7.1	-8.1
Kesilapan dan ketinggalan[2]	-10.3	-7.8	-9.4	0.4
Imbangan Keseluruhan	**4.0**	**-2.7**	**14.6**	**-17.3**

[1] Aset: (-) menunjukkan aliran keluar disebabkan oleh pemerolehan aset di luar negeri oleh pemastautin
Liabiliti: (+) menunjukkan aliran masuk disebabkan oleh liabiliti asing
Mengikut Edisi Keenam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (BPM6) oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)
[2] Termasuk penambahan/pengurangan nilai rizab antarabangsa yang belum direalisasikan hasil daripada penilaian semula pertukaran asing

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

ke luar negeri adalah lebih kecil berbanding semasa musim percutian pada suku sebelumnya. Sementara itu, defisit akaun pengangkutan yang lebih rendah adalah disebabkan terutamanya oleh penurunan dalam pembayaran untuk perkhidmatan pengangkutan selaras dengan import kasar yang lebih sederhana pada suku tersebut.

Defisit baki pendapatan utama mengecil kepada RM6.4 bilion (S4 2013: -RM10 bilion), apabila pendapatan pelaburan terakru kepada pelabur langsung asing di Malaysia menyusut manakala pendapatan pelaburan terakru kepada syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri adalah mampan.

Akaun kewangan mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM37.6 bilion pada suku pertama 2014 (S4 2013: -RM9.7 bilion) disebabkan oleh aliran keluar pelaburan langsung keluar, pelaburan portfolio dan pelaburan lain yang besar.

Pelaburan langsung masuk (liabiliti pelaburan langsung) mencatat aliran masuk sebanyak RM5.8 bilion (S4 2013: +RM10.4 bilion) disokong oleh pemberian modal ekuiti yang berterusan dan pendapatan tertahan untuk pelaburan semula yang lebih rendah. Aliran masuk pelaburan langsung adalah terutamanya hasil daripada pelaburan syarikat dalam sektor perlombongan dan perkhidmatan, termasuk pemerolehan harta tanah di wilayah Iskandar.

Pelaburan langsung keluar (aset pelaburan langsung) nyata tinggi pada suku pertama, mencatat aliran keluar sebanyak RM20.4 bilion (S4 2013: -RM6.5 bilion). Ini disebabkan oleh pemberian pinjaman antara syarikat dan modal ekuiti yang lebih tinggi kepada subsidiari syarikat Malaysia yang beroperasi di luar negeri. Pelaburan adalah terutamanya oleh syarikat dalam sektor perlombongan dan perkhidmatan.

Pelaburan portfolio juga mencatat aliran keluar bersih pada suku tersebut sebanyak RM13.4 bilion (S4 2013: -RM0.8 bilion), sebahagiannya mencerminkan beberapa kebalikan pelaburan portfolio bukan pemastautin. Pada awal suku tersebut, dengan bermulanya pengecilan program pembelian aset oleh Federal Reserve AS dan kebimbangan mengenai perkembangan khusus dalam ekonomi sedang pesat membangun dan ketegangan geopolitik telah mencetuskan aliran keluar pelaburan portfolio bukan pemastautin yang besar. Walau bagaimanapun, perkembangan ini sebahagiannya telah diimbangi oleh keyakinan pelabur yang bertambah baik berikutan komitmen lebih kukuh oleh Federal Reserve untuk mengekalkan dasar monetari akomodatif dan jangkaan pelaksanaan langkah dasar untuk menyokong aktiviti ekonomi di RR China menjelang akhir suku tersebut. Kedudukan aliran keluar bersih juga adalah hasil daripada pemerolehan aset portfolio di luar negeri yang lebih tinggi oleh pelabur institusi pemastautin pada suku pertama.

Malaysia: Destinasi Eksport

	Bahagian 2013 (%)	2013			2014
		S1	S4	Tahun	S1
		Perubahan tahunan (%)			
Amerika Syarikat	**8.1**	**-2.9**	**-2.5**	**-4.5**	**4.2**
Kesatuan Eropah (EU)	**9.1**	**-6.4**	**14.7**	**5.0**	**18.5**
Jepun	**11.1**	**-9.5**	**4.9**	**-4.4**	**9.2**
Negara ASEAN terpilih[1]	**27.6**	**9.9**	**7.4**	**7.3**	**2.9**
Timur Laut Asia	**24.4**	**-5.3**	**23.5**	**5.6**	**20.2**
Republik Rakyat China	*13.5*	*-1.7*	*30.8*	*9.2*	*15.3*
Hong Kong SAR	*4.3*	*-9.0*	*30.1*	*3.9*	*35.0*
Korea	*3.6*	*-4.0*	*15.5*	*3.0*	*15.9*
China Taipei	*2.9*	*-16.7*	*-4.6*	*-3.7*	*28.1*
Asia Barat[2]	**3.4**	**-1.3**	**-1.2**	**0.3**	**-0.5**
India	**3.6**	**-3.0**	**-17.7**	**-12.2**	**10.2**
Jumlah eksport	**100.0**	**-2.6**	**10.2**	**2.4**	**10.9**

[1]Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam dan Vietnam
[2]Emiriah Arab Bersatu, Arab Saudi, Oman, Iraq, Qatar, Kuwait, Jordan, Lebanon, Bahrain, Syria, Palestin, Yemen dan Iran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pelaburan lain mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM8.1 bilion (S4 2013:- RM13.3 bilion), mencerminkan terutamanya penempatan deposit di luar negeri oleh sektor perbankan domestik.

Berikutan perkembangan ini, imbangan pembayaran keseluruhan mencatat defisit sebanyak RM17.3 bilion pada suku pertama 2014 (S4 2013: -RM2.7 bilion), memandangkan aliran keluar akaun kewangan yang lebih besar telah lebih daripada mengimbangi lebihan akaun semasa yang lebih tinggi. Kesilapan dan ketinggalan (E&O) berjumlah RM0.4 bilion (0.1% daripada jumlah perdagangan) dan sebahagiannya mencerminkan penambahan nilai rizab antarabangsa disebabkan oleh penilaian semula pertukaran asing apabila ringgit menyusut nilai berbanding dengan beberapa mata wang utama tertentu pada suku tersebut.

Hutang luar negeri kekal terurus

Memandangkan terdapat kemajuan yang ketara dalam usaha memperdalam dan memperluas pasaran kewangan Malaysia, serta susulan penyertaan pelabur bukan pemastautin yang lebih aktif dalam sekuriti hutang domestik dalam denominasi ringgit dalam tahun-tahun kebelakangan ini, Malaysia telah mendefinisikan semula hutang luar negerinya selaras dengan amalan terbaik antarabangsa. Berikutan definisi semula ini, pemegangan sekuriti hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin, deposit bukan pemastautin, kredit perdagangan yang diberikan oleh rakan-rakan perdagangan asing dan liabiliti hutang lain kini dimasukkan sebagai sebahagian daripada hutang luar negeri Malaysia (lihat Rencana 'Definisi Semula Hutang Luar Negeri').

Hutang luar negeri Malaysia yang didefinisikan semula berjumlah sebanyak RM700.1 bilion, bersamaan dengan USD212.5 bilion atau 65.2% daripada KDNK pada akhir bulan Mac 2014 (akhir bulan Disember 2013: RM694.6 bilion atau USD209.2 bilion, bersamaan dengan 70.4% daripada KDNK). Hutang luar negeri yang lebih tinggi ini disebabkan terutamanya oleh peminjaman luar pesisir oleh sektor swasta dan pemegangan sekuriti hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin yang lebih tinggi, terutamanya pemegangan Sekuriti Kerajaan Malaysia.

Peminjaman luar pesisir meningkat kepada RM327.9 bilion pada suku pertama (akhir bulan Disember 2013: RM324.1 bilion). Peminjaman luar pesisir jangka sederhana dan panjang yang lebih tinggi mencerminkan terutamanya peminjaman bersih oleh syarikat sektor swasta, yang mengimbangi pembayaran balik bersih oleh sektor awam. Sementara itu, peminjaman luar pesisir jangka pendek kekal stabil pada suku itu. Peningkatan dalam peminjaman luar pesisir pada suku tersebut telah sebahagiannya diimbangi oleh penambahan nilai ringgit berbanding dengan mata wang serantau dan mata wang utama tertentu. Pemegangan sekuriti hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin, yang diterbitkan oleh Kerajaan Persekutuan, Bank Negara Malaysia dan perbadanan, juga meningkat pada suku

Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2013		2014
	akhir Mac	akhir Dis	akhir Mac
	RM bilion		
Pinjaman luar pesisir[1]	269.8	324.1	327.9
Jangka sederhana dan panjang	*168.7*	*196.0*	*199.2*
Sektor awam	87.1	98.9	97.9
Sektor swasta	81.6	97.1	101.3
Jangka pendek	*101.0*	*128.1*	*128.7*
Pemegangan bukan pemastautin sekuriti hutang domestik	222.0	229.7	231.3
Jangka sederhana dan panjang	*150.1*	*151.1*	*156.3*
Jangka pendek	*71.9*	*78.6*	*75.0*
Deposit bukan pemastautin	54.8	77.3	77.5
Lain-lain[2]	63.1	63.5	63.3
Jangka sederhana dan panjang	*9.4*	*10.0*	*10.3*
Jangka pendek	*53.7*	*53.5*	*53.0*
Jumlah hutang luar negeri	**609.7**	**694.6**	**700.1**
Bersamaan USD bilion	*195.4*	*209.2*	*212.5*
Hutang luar negeri (Definisi terdahulu)			
Jumlah hutang/KDNK (%)	27.3	32.8	30.5
Hutang jangka pendek[3]/ Jumlah hutang (%)	37.5	39.5	39.2
Rizab antarabangsa/ Hutang jangka pendek[3] (kali)	4.3	3.4	3.3
Hutang luar negeri (Definisi semula)			
Jumlah hutang/KDNK (%)	61.8	70.4	65.2
Hutang jangka pendek[4]/ Jumlah hutang (%)	46.2	48.6	47.7
Rizab antarabangsa/ Hutang jangka pendek[4] (kali)	1.5	1.3	1.3

[1] Bersamaan dengan hutang luar negeri definisi terdahulu, terkandung terutamanya hutang mata wang asing diperoleh, dan nota and bon terbitan luar pesisir.
2 Terkandung kredit perdagangan, peruntukan SDR IMF, dan lain-lain.
3 Bersamaan dengan pinjaman luar pesisir jangka pendek.
4 Pinjaman luar pesisir jangka pendek, pegangan bukan pemastautin sekuriti hutang domestik jangka pendek, deposit bukan pemastautin dan hutang jangka pendek lain.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Definisi Semula Hutang Luar Negeri

Terdapat beberapa konvensyen yang diterima pakai bagi mengklasifikasikan hutang luar negeri sesebuah negara. Salah satu daripadanya ialah penekanan yang diberikan pada obligasi hutang dalam mata wang asing oleh pemastautin kepada bukan pemastautin. Ini merupakan amalan yang diterima pakai apabila sebahagian besar aliran hutang merentas sempadan adalah untuk pemastautin yang memperoleh pembiayaan dalam mata wang asing daripada pasaran kewangan yang lebih maju. Malah ini merupakan amalan yang diterima pakai oleh Malaysia, apabila hutang luar negeri hanya terdiri daripada hutang dalam denominasi mata wang asing, iaitu pinjaman yang diperoleh, serta bon dan nota yang diterbitkan di luar pesisir.

Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), dll (2013)[1] telah mencadangkan liputan hutang luar negeri yang lebih luas, yang mengambil kira sekuriti hutang dalam denominasi mata wang tempatan yang dipegang oleh bukan pemastautin dan aliran kewangan bukan pemastautin berkaitan hutang lain, seperti kredit perdagangan, mata wang dan deposit, serta pinjaman dan liabiliti lain (lihat Jadual 1). Di bawah definisi ini, hutang luar negeri akan mencakupi semua liabiliti yang memerlukan pembayaran pokok dan/atau faedah pada masa hadapan, dan hutang tersebut adalah daripada pemastautin kepada bukan pemastautin dalam sesebuah negara tanpa mengira denominasi mata wang bagi hutang itu.

Jadual 1: Komponen hutang luar negeri Malaysia yang terdahulu dan yang diberikan definisi semula


Hutang luar negeri megikut tempoh matang dan instrumen	Definisi terdahulu	Definisi semula
Jangka pendek		
Pinjaman antara bank (FX)+	✓	✓
Pinjaman antara syarikat (FX)+	✓	✓
Pinjaman lain* (FX)+	✓	✓
Kredit perdagangan		✓
Pemegangan instrumen pasaran wang domestik oleh bukan pemastautin		✓
Mata wang dan deposit		✓
Liabiliti lain**		✓
Jangka panjang		
Bon terbitan luar negara (FX)+	✓	✓
Pinjaman antara syarikat (FX)+	✓	✓
Pinjaman lain* (FX)+	✓	✓
Kredit perdagangan		✓
Pemegangan bon domestik oleh bukan pemastautin		✓
Liabiliti lain**		✓

* Termasuk pinjaman syarikat tidak berkaitan
** Liabiliti lain merujuk kepada peruntukan SDR oleh IMF, serta liabiliti kumpulan wang pencen dan syarikat insurans hayat kepada bukan permastautin
+ FX: Mata wang asing

[1] International Monetary Fund (IMF), Bank for International Settlements (BIS), Commonwealth Secretariat (Comsec), Eurostat, Organization for Economic Co-operation and Development (OECD), Paris Club Secretariat, United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD) and World Bank, 2013, External Debt Statistics: Guide for Compilers and Users, Washington.

Sepanjang sedekad yang lalu, pasaran kewangan Malaysia telah berkembang dengan pesat berikutan kemajuan dalam liberalisasi sektor kewangan. Hasilnya, pasaran bon Malaysia kini adalah yang terbesar di Asia Tenggara dan yang kedua terbesar di Asia, tidak termasuk Jepun, manakala penyertaan bukan pemastautin dalam pasaran kewangan domestik telah meningkat dengan ketara.

Rajah 1 : Definisi Semula Hutang Luar Negeri Malaysia



Sumber: Kementerian Kewangan, Malaysia and Bank Negara Malaysia


Dengan definisi semula ini, hutang luar negeri Malaysia berjumlah RM700.1 bilion (USD212.5 bilion atau 65.2% daripada KDNK) pada akhir bulan Mac 2014, berbanding dengan RM327.9 bilion atau 30.5% daripada KDNK di bawah definisi yang terdahulu. Hutang luar negeri berdasarkan definisi semula ini adalah lebih tinggi, sekali gus mencerminkan paras pegangan sekuriti hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin yang tinggi, yang mencakupi kira-kira dua pertiga daripada peningkatan hutang luar negeri berikutan definisi semula ini. Ini ialah hasil daripada kedalaman, keterbukaan dan daya tarikan yang lebih meluas pasaran kewangan Malaysia.

Jadual 2: Penunjuk Keberhutangan Luar Negeri Malaysia

	Nilai ambang piawaian antarabangsa	Hutang luar negeri Malaysia, akhir Mac 2014	
		Definisi terdahulu	Definisi semula
Rizab / Hutang luar negeri jangka pendek (kali)	1.0	3.3	1.3
Jumlah hutang luar negeri / KDNK (%)	60-90	30.5	65.2
Hutang luar negeri jangka pendek / Jumlah hutang luar negeri (%)	t.b.	39.2	47.7
Hutang luar negeri jangka pendek / Eksport barangan dan perkhidmatan (%)	Lebih kecil lebih baik	15.1	39.3


t.b.: Tidak berkenaan
Sumber: Reinhart. Carmen dan Kenneth Rogoff, "Growth in a Time of Debt", American Economic Review, Mei 2010; Guidotti-Greenspan rule dan Bank Negara Malaysia

Rajah 2: Pasaran bon tempatan Malaysia adalah kedua terbesar di Asia Timur, tidak termasuk Jepun



Sumber: ADB Asian Bonds Monitor, Mac 2014

Rajah 3: Kedudukan hutang luar negeri Malaysia berbanding dengan negara serantau lain



Sumber: World Bank Quarterly External Debt Statistics, Tabungan Kewangan Antarabangsa

Memandangkan obligasi sekuriti hutang ini adalah dalam denominasi ringgit, kemungkinan berlakunya ketidakpadanan mata wang dalam keberhutangan luar negeri Malaysia telah berkurang. Perhatian juga perlu diberikan bahawa hutang Kerajaan Persekutuan kekal tidak berubah. Definisi semula hutang luar negeri ini membolehkan Kerajaan menilai dengan lebih baik dedahannya kepada bukan pemastautin. Yang penting, walaupun paras hutang luar negeri yang diberikan definisi semula adalah lebih tinggi, penunjuk hutang luar negeri Malaysia kekal jauh melebihi tanda aras piawaian antarabangsa dari segi kehematan dan kekukuhan hutang luar negeri.

Secara asasnya, definisi semula hutang luar negeri ini menambah baik perangkaan hutang yang tersedia kepada umum. Tambahan pula, memandangkan pasaran kewangan Malaysia yang begitu mendalam dan pelbagai (Rajah 2), data yang disiarkan akan diperincikan lagi bagi menunjukkan kedudukan hutang luar negeri Malaysia, terutamanya penyertaan yang semakin meningkat oleh bukan pemastautin dalam pasaran. Perlu diperhatikan bahawa hutang luar negeri yang lebih tinggi pada masa ini berikutan pasaran modal domestik yang lebih mendalam dan semakin canggih ialah suatu kelaziman bagi negara yang sedang beralih kepada pasaran kewangan yang lebih maju, seperti di Hong Kong SAR dan Singapura (Rajah 3).

Keteguhan Kedudukan Luaran

Kedudukan luaran Malaysia terus teguh, disokong oleh asas-asas ekonomi negara yang kukuh:

- **Penyertaan peserta institusi domestik dalam pasaran modal Malaysia semakin meningkat:** Sekiranya berlaku penjualan oleh bukan pemastautin, peserta domestik, terutamanya pelabur institusi yang jauh lebih pelbagai, mempunyai keupayaan untuk membeli sekuriti dalam denominasi ringgit. Ini akan mengurangkan risiko gangguan pada pergerakan harga dalam pasaran kewangan. Malaysia kini mempunyai beberapa pelabur institusi yang besar, industri insurans yang lebih maju serta industri pengurusan dana dan kekayaan yang lebih besar yang akan membeli sekuriti hutang dalam denominasi ringgit ini.

- **Lebih berkeupayaan untuk menghadapi kejutan pasaran dan kewangan:** Dengan adanya sistem kewangan yang lebih maju dan pengantara kewangan yang lebih kukuh, Malaysia kini akan kurang terdedah kepada sebarang tekanan kewangan yang berpunca daripada turun naik aliran modal. Di samping itu, paras rizab yang mencukupi untuk membiayai hutang luar negeri jangka pendek (nisbah rizab kepada hutang luar negeri jangka pendek sebanyak 1.3 kali, lebih tinggi daripada nisbah antarabangsa minimum 1:1), lebihan akaun semasa yang berterusan, bersama-sama dengan aset cair luar negeri yang banyak dalam sektor perbankan, juga akan menyediakan penampan tambahan terhadap sebarang kejutan luaran kepada ekonomi.

Kedudukan luaran Malaysia yang teguh terbukti susulan pengumuman Federal Reserve Amerika Syarikat tentang hasratnya untuk mengecilkan program pelonggaran kuantitatif pada bulan Mei 2013. Dalam keadaan turun naik yang ketara dalam pasaran kewangan global dan ketidakpastian berhubung dengan pengumuman itu, ekonomi sedang pesat membangun, termasuk Malaysia, mengalami aliran keluar modal yang besar. Walau bagaimanapun, sistem kewangan Malaysia kekal berdaya tahan dan kestabilan kewangan kekal utuh tanpa gangguan kepada pengantaraan kewangan.

Oleh itu, definisi semula hutang luar negeri Malaysia, adalah tepat pada masanya, dalam usaha untuk menambah baik obligasi kewangan luar negeri Malaysia dengan cara yang telus, dan untuk mencerminkan tahap kemajuan pasaran kewangan Malaysia sejak sedekad yang lalu.


tersebut. Peningkatan pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin, yang terutamanya dalam sekuriti jangka sederhana dan panjang, mencerminkan keyakinan pelabur terhadap ekonomi Malaysia serta tarikan kadar hasil yang lebih tinggi bagi tempoh matang berkenaan. Penyertaan lebih tinggi oleh bukan pemastautin dalam pasaran bon Malaysia turut mencerminkan pasaran kewangan domestik yang lebih dalam, terbuka dan aktif.

Secara keseluruhan, lebih separuh daripada jumlah hutang luar negeri mempunyai profil kematangan jangka panjang. Hutang luar negeri jangka pendek kekal terurus dan dapat ditampung oleh rizab sebanyak 1.3 kali.

Rizab antarabangsa kekal tinggi

Rizab antarabangsa BNM berjumlah RM424.6 bilion (bersamaan dengan USD130.2 bilion) pada 31 Mac 2014. Paras rizab ini mengambil kira pelarasan suku tahunan bagi perubahan penilaian semula pertukaran asing. Pada 30 April 2014, kedudukan rizab berjumlah RM427.8 bilion (bersamaan dengan USD131.2 bilion), yang memadai untuk membiayai 9.4 bulan import tertangguh dan ialah 1.3 kali hutang luar negeri jangka pendek yang diberikan definisi semula (akhir bulan Disember 2013: 9.5 bulan import tertahan; 1.3 kali hutang luar negeri jangka pendek yang diberikan definisi semula).

Rizab Antarabangsa Bersih (pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Defisit Kerajaan lebih rendah

Kerajaan Persekutuan mencatat defisit fiskal yang lebih kecil sebanyak 5.1% daripada KDNK pada suku pertama 2014. Ini disebabkan oleh


Kewangan Kerajaan Persekutuan[a]

	2013			2014
	S1	S4	Tahun	S1
	RM bilion			
Hasil	43.8	61.1	213.4	49.2
% *pertumbuhan tahunan*	*-8.6*	*6.8*	*2.6*	*12.4*
Perbelanjaan mengurus	49.9	58.8	211.3	55.2
% pertumbuhan tahunan	*9.4*	*-4.6*	*2.8*	*10.6*
Akaun semasa	**-6.1**	**2.3**	**2.1**	**-6.0**
% daripada KDNK	***-2.6***	***0.9***	***0.2***	***-2.3***
Perbelanjaan pembangunan bersih	8.8	16.0	40.7	7.0
% pertumbuhan tahunan	*8.3*	*-3.4*	*-8.2*	*-20.9*
Imbangan keseluruhan	**-14.9**	**-13.8**	**-38.6**	**-13.0**
% daripada KDNK	***-6.4***	***-5.2***	***-3.9***	***-5.1***
Memo:				
Jumlah perbelanjaan bersih	58.7	74.8	252.0	62.2
% pertumbuhan tahunan	*9.3*	*-4.4*	*0.8*	*5.9*
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	508.9	539.9	539.9	560.6
% daripada KDNK	*51.6*	*54.7*	*54.7*	*52.2*
Hutang dalam negeri	352.2	381.5	381.5	398.5
% daripada KDNK	*35.7*	*38.7*	*38.7*	*37.1*
Hutang luar negeri[1]	156.7	158.4	158.4	162.1
% daripada KDNK	*15.9*	*16.1*	*16.1*	*15.1*
Pemegangan hutang Kerajaan Persekutuan dalam denominasi RM oleh bukan pemastautin[2]	*140.5*	*141.7*	*141.7*	*145.7*
% daripada KDNK	*14.3*	*14.4*	*14.4*	*13.6*
Peminjaman luar pesisir	*16.2*	*16.8*	*16.8*	*16.5*
% daripada KDNK	*1.6*	*1.7*	*1.7*	*1.5*

[p] Awalan
[1] Merujuk kepada hutang luar negeri yang diberikan definisi semula (sila lihat Rencana bertajuk 'Definisi Semula Hutang Luar Negeri')
[2] Merujuk kepada pemegangan hutang Kerajaan dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin (Sekuriti Kerajaan Malaysia, Terbitan Pelaburan Kerajaan, Bil-bil Perbendaharaan dll) yang diklasifikasikan sebagai hutang dalam negeri di bawah definisi terdahulu

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Kewangan Kerajaan Persekutuan



[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

kutipan hasil yang lebih tinggi, terutamanya daripada cukai pendapatan individu dan hasil bukan cukai. Jumlah perbelanjaan meningkat sebanyak 5.9% pada asas tahunan, disumbangkan oleh perbelanjaan mengurus yang lebih tinggi. Kebanyakan daripada kenaikan perbelanjaan di bawah perbelanjaan mengurus adalah untuk pembayaran emolumen dan khidmat bayaran hutang. Perbelanjaan pembangunan adalah lebih rendah merentas semua sektor. Pada akhir bulan Mac 2014, jumlah hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan berjumlah RM560.6 bilion atau 52.2% daripada anggaran KDNK bagi tahun 2014.

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Kadar faedah kekal stabil


Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) dikekalkan pada 3.00% pada suku pertama tahun 2014. Pada paras OPR ini, keadaan monetari kekal menyokong aktiviti ekonomi.

Dengan OPR yang tidak berubah ini, kadar antara bank semalaman purata (average overnight interbank rate, AOIR) stabil pada suku pertama. Pada tempoh antara 1 Januari dan 31 Mac 2014, AOIR bergerak dalam julat 2.92% hingga 3.00%. Pada bulan Februari 2014, Bank Negara Malaysia telah mengurangkan tempoh maksimum bagi operasi Lelongan Julat Tempoh Matang (Range Maturity Auction, RMA) daripada tiga bulan kepada dua bulan. Tempoh matang yang lebih pendek ini membolehkan lebihan mudah tunai bank yang disimpan di Bank Negara Malaysia matang dalam masa yang lebih kerap, dengan itu memastikan mudah tunai boleh dikeluarkan dalam tempoh dijangka berlaku aliran keluar modal. Meskipun simpanan antara bank stabil berbanding dengan bulan-bulan sebelumnya, ketiadaan urus niaga dengan Bank Negara Malaysia bagi tempoh matang tiga bulan telah menyebabkan kadar antara bank 3 bulan purata meningkat. Kadar antara bank bagi tempoh matang jangka pendek lain secara relatif stabil pada suku itu.

Kadar bagi swap kadar faedah dan kadar niaga hadapan 3 bulan Kadar Antara Bank Kuala Lumpur Ditawarkan (Kuala Lumpur Interbank Offered Rate, KLIBOR) dalam suku pertama stabil tetapi kekal tinggi dalam keadaan pasaran terus menjangkakan kenaikan OPR pada separuh kedua tahun 2014.


Kadar deposit runcit stabil pada suku pertama. Kadar deposit tetap (FD) disebut purata bank perdagangan secara relatif tidak berubah. Pada akhir bulan Mac 2014, kadar FD disebut purata bank perdagangan bagi tempoh antara

Purata Wajaran Harian bagi Kadar Antara Bank Semalaman




Sumber: Bank Negara Malaysia

Swap Kadar Faedah: Kadar Faedah



Sumber: Bloomberg

Niaga Hadapan 3 Bulan KLIBOR




Sumber: Bursa Malaysia

Kadar Faedah

	2013		2014
	S1	S4	S1
	Pada akhir tempoh (%)		
Kadar Dasar Semalaman (OPR)	3.00	3.00	3.00
Kadar antara bank			
Semalaman	3.00	2.99	3.00
1 bulan	3.10	3.20	3.06
Kadar berian pinjaman asas (BLR)			
Bank perdagangan	6.53	6.53	6.53
Kadar pinjaman purata (ALR) berwajaran			
Bank perdagangan	5.50	5.36	5.39
Kadar deposit tetap			
Bank perdagangan			
1 bulan	2.91	2.91	2.91
12 bulan	3.15	3.15	3.15

Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar Pinjaman Bank Perdagangan (Pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

1 hingga 12 bulan masing-masing adalah antara 2.91% hingga 3.15%.


Kos peminjaman juga secara amnya stabil sepanjang tempoh tersebut. Kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata bank perdagangan kekal tidak berubah pada 6.53%. Kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) berwajaran bagi pinjaman terkumpul adalah stabil pada suku pertama (akhir bulan Mac 2014: 5.39%; akhir bulan Disember 2013: 5.36%). Kos peminjaman sektor perniagaan dan isi rumah kekal menyokong aktiviti ekonomi berikutan kadar peminjaman terus berada di bawah paras sebelum Krisis Kewangan Global.

M3 terus berkembang

Agregat monetari berkembang pada kadar lebih perlahan pada suku pertama 2014. Wang secara kecil atau M1 menurun sedikit sebanyak RM0.6 bilion pada suku tersebut. Walau bagaimanapun, pada asas tahunan, M1 berkembang sebanyak 11.4% pada akhir bulan Mac (akhir bulan Disember 2013: 13%). Wang secara luas atau M3 meningkat sebanyak RM19.5 bilion pada asas suku tahunan untuk mencatat kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 5.9% pada akhir bulan Mac (akhir bulan Disember 2013: 8.1%).


M3 meningkat pada suku pertama disebabkan terutamanya oleh pemberian

Agregat Monetari



Sumber: Bank Negara Malaysia

Mudah Tunai Terkumpul di Bank Negara Malaysia (Pada akhir tempoh, RM bilion)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Penentu Wang Secara Luas, M3

	Perubahan pada tempoh			
	2013			2014
	S1	S4	Tahun	S1
	RM bilion			
M3	**44.4**	**25.4**	**109.5**	**19.5**
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	8.4	-5.0	21.4	7.0
Tuntutan terhadap sektor swasta	24.1	41.6	119.5	24.2
Pinjaman	*21.6*	*33.2*	*109.4*	*24.4*
Sekuriti	*2.4*	*8.4*	*10.1*	*-0.2*
Aset asing bersih[1]	7.6	4.3	-3.7	-4.9
BNM	*6.3*	*-4.0*	*-4.4*	*-18.0*
Sistem Perbankan	*1.3*	*8.3*	*0.7*	*13.2*
Pengaruh lain	4.4	-15.5	-27.7	-6.8

[1] Sebelum penilaian semula
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
Sumber: Bank Negara Malaysia

kredit kepada sektor swasta oleh sistem perbankan dan tuntutan bersih yang lebih tinggi terhadap Kerajaan. Walau bagaimanapun, peningkatan ini diimbangi sebahagiannya oleh penyusutan aset asing bersih berikutan aliran keluar perdagangan dan kewangan bersih pada suku tersebut.


Dalam sistem perbankan, terdapat keadaan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi pada peringkat institusi dan seluruh sistem. Paras lebihan mudah tunai yang ditempatkan di Bank Negara Malaysia menurun sedikit pada suku pertama berikutan pengeluaran mudah tunai bagi memenuhi permintaan yang lebih tinggi untuk dana.

Aktiviti pembiayaan sektor swasta terus kukuh pada suku pertama

Pada suku pertama, jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal berjumlah RM282.2 bilion (S4 2013: RM302.8 bilion). Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan terkumpul dan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan 9.6% pada akhir bulan Mac (akhir bulan Disember 2013: 9.8%).


Peminjaman bersih kepada perniagaan oleh sistem perbankan meningkat lebih perlahan sebanyak RM8.3 bilion (S4 2013: RM11.1 bilion) disebabkan oleh pembayaran balik yang lebih tinggi pada suku pertama. Pengeluaran pinjaman secara keseluruhan stabil dengan lebih banyak dana disalurkan kepada sektor *borong dan runcit, restoran dan hotel, pertanian primer, perkilangan,* dan *harta tanah*. Pada asas tahunan, pinjaman perniagaan terkumpul meningkat pada kadar yang stabil iaitu 8.6% pada suku pertama (akhir bulan Disember 2013: 8.5%). Permintaan terhadap pembiayaan baharu oleh perniagaan kekal kukuh, dengan permohonan pinjaman meningkat sebanyak RM1.1 bilion berbanding dengan suku sebelumnya. Trend ini direkodkan terutamanya dalam sektor *elektrik, gas dan bekalan air* serta *pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi*.

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pemberian Pinjaman Bank kepada PKS



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)			
	2013			2014	2013			2014
	S1	S4	Tahun	S1	S1	S4	Tahun	S1
Jumlah pembiayaan kasar	**244.8**	**302.8**	**1,059.2**	**282.2**	**-5.9**	**15.5**	**-0.8**	**15.3**
Pengeluaran pinjaman*	221.7	259.3	961.2	258.4	2.2	9.8	3.6	16.5
PDS kasar (tidak termasuk Cagamas)	22.1	36.0	82.1	19.6	-47.4	81.9	-27.4	-11.1
Ekuiti	1.0	7.4	16.0	4.2	-24.9	21.3	-41.5	320.7
Jumlah pembiayaan bersih (A)+(B)	**33.5**	**49.0**	**146.7**	**32.3**	**11.1**	**9.8**	**9.8**	**9.6**
Sistem perbankan	24.7	38.6	121.0	22.2	11.7	10.1	10.1	9.7
Pinjaman terkumpul (A)	23.4	*34.3*	*117.7*	*21.0*	10.6	10.6	10.6	10.2
Pemegangan PDS	1.4	*4.3*	*3.4*	*1.1*	28.2	3.8	3.8	3.4
PDS terkumpul (B)	10.1	14.7	29.0	11.3	12.7	7.6	7.6	7.7
Memorandum								
PDS kasar (termasuk Cagamas)	22.6	36.0	83.9	20.5	-49.5	55.9	-30.8	-9.1

* Pinjaman sistem perbankan termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas

Nota: Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pinjaman Mengikut Sektor

	Pengeluaran pinjaman					Pinjaman terkumpul
	Pada tempoh (RM bilion)				Bahagian drpd. jumlah (%)	Bahagian drpd. jumlah (%)
	S1 13	S4 13	Tahun	S1 14		
Perusahaan perniagaan	**150.3**	**180.9**	**660.0**	**184.3**	**71.3**	**43.3**
Syarikat besar	*94.1*	*122.0*	*429.8*	*128.4*	*49.7*	*26.7*
*PKS**	*56.2*	*58.8*	*230.3*	*55.9*	*21.6*	*16.6*
Sektor terpilih						
Pertanian, perburuan, perhutanan dan perikanan	8.7	7.0	31.2	8.6	3.3	2.6
Perlombongan dan kuari	2.1	1.9	8.4	3.5	1.4	0.7
Perkilangan	48.0	54.1	200.5	55.6	21.5	7.8
Pembinaan	14.7	17.2	62.2	17.6	6.8	4.2
Harta tanah	8.4	10.8	41.6	12.1	4.7	5.8
Bekalan elektrik, gas dan air	1.9	2.0	9.5	2.6	1.0	1.1
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	43.5	51.5	185.4	54.2	21.0	7.2
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	3.1	5.8	17.1	5.4	2.1	2.4
Kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan	14.6	23.6	78.3	18.1	7.0	7.0
Isi rumah	**71.4**	**78.4**	**301.1**	**74.1**	**28.7**	**56.7**
Pembelian harta kediaman	16.8	20.4	74.4	19.6	7.6	26.8
Kredit penggunaan	41.9	44.5	174.4	41.1	15.9	18.2
Antaranya:						
Kad kredit	*23.2*	*27.3*	*100.2*	*25.1*	*9.7*	*2.7*
Pembelian kereta penumpang	*10.9*	*9.5*	*41.8*	*9.0*	*3.5*	*10.9*
Lain-lain	12.6	13.5	52.3	13.4	5.2	11.6
Jumlah	**221.7**	**259.3**	**961.2**	**258.4**	**100.0**	**100.0**

* Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Penunjuk Pinjaman

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)			
	2013			2014	2013			2014
	S1	S4	Tahun	S1	S1	S4	Tahun	S1
Jumlah								
Permohonan pinjaman	187.3	209.9	820.1	189.1	-4.7	22.0	6.3	1.0
Kelulusan pinjaman	87.4	98.0	392.5	91.1	-2.8	2.8	0.4	4.2
Pengeluaran pinjaman	221.7	259.3	961.2	258.4	2.2	9.8	3.6	16.5
Bayaran balik pinjaman	210.4	233.7	880.7	249.3	2.3	2.9	1.6	18.5
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	23.4	34.3	117.7	21.0	10.6	10.6	10.6	10.2
Antaranya:								
Perusahaan perniagaan**								
Permohonan pinjaman	84.6	88.6	358.5	89.7	-19.6	26.1	-3.7	6.0
Kelulusan pinjaman	34.5	37.0	154.8	34.8	-23.8	-11.3	-16.9	0.7
Pengeluaran pinjaman	150.3	180.9	660.0	184.3	-1.7	9.7	0.4	22.6
Bayaran balik pinjaman	145.7	167.6	619.2	181.1	-0.3	2.0	-0.9	24.3
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	7.0	11.1	35.4	8.3	11.7	8.5	8.5	8.6
PKS**								
Permohonan pinjaman	43.6	51.0	196.0	50.4	-19.4	41.4	13.8	15.5
Kelulusan pinjaman	15.9	18.1	71.4	15.1	-2.8	10.8	-7.9	-5.3
Pengeluaran pinjaman	56.2	58.8	230.3	55.9	18.8	3.7	6.0	-0.6
Bayaran balik pinjaman	52.5	54.0	214.2	53.5	14.3	-1.2	7.6	1.8
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	5.7	6.9	22.6	7.2	15.6	12.8	12.8	13.2
Syarikat besar								
Permohonan pinjaman	41.0	37.6	162.4	39.3	-19.8	10.0	-18.7	-4.1
Kelulusan pinjaman	18.6	19.0	83.4	19.7	-35.7	-25.5	-23.3	5.9
Pengeluaran pinjaman	94.1	122.0	429.8	128.4	-10.9	12.8	-2.4	36.4
Bayaran balik pinjaman	93.2	113.5	405.0	127.7	-7.0	3.6	-4.9	37.1
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	1.3	4.2	12.8	1.1	8.9	5.3	5.3	5.2
Isi rumah								
Permohonan pinjaman	102.6	121.3	461.6	99.4	12.5	19.1	15.5	-3.1
Kelulusan pinjaman	52.9	60.9	237.7	56.3	18.6	13.8	16.1	6.5
Pengeluaran pinjaman	71.4	78.4	301.1	74.1	11.6	9.9	11.4	3.8
Bayaran balik pinjaman	64.7	66.1	261.5	68.2	8.6	5.2	8.0	5.4
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	16.2	20.9	74.1	16.1	12.1	12.0	12.0	11.7

* Pertumbuhan tahunan adalah untuk akhir tempoh.
** Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu.

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan bersih kepada sektor isi rumah meningkat sebanyak RM16.1 bilion pada suku pertama (S4 2013: RM20.9 bilion). Pada asas tahunan, pertumbuhan pinjaman isi rumah terkumpul menjadi sederhana kepada 11.7% pada akhir bulan Mac (akhir bulan Disember 2013: 12%). Permintaan isi rumah untuk pinjaman menjadi sederhana pada suku itu, dengan permohonan pinjaman yang lebih rendah untuk *pembelian harta kediaman, harta bukan kediaman* dan untuk *kegunaan persendirian.*

Aktiviti pembiayaan dalam pasaran modal terus menggalakkan

Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal adalah lebih tinggi pada RM39.4 bilion pada suku pertama (S4 2013: RM33.7 bilion). Sebahagian


Dana Bersih yang Diperoleh dalam Pasaran Modal

	2013			2014
	S1	S4	Tahun	S1
	RM bilion			
Oleh Sektor Awam	**8.0**	**14.3**	**43.9**	**24.0**
Sekuriti Kerajaan, *bersih*	6.3	14.3	41.9	20.0
Sekuriti Kerajaan Malaysia	*13.5*	*11.4*	*51.4*	*14.5*
Terbitan Pelaburan Kerajaan	*10.1*	*9.0*	*41.0*	*9.0*
Tolak: Penebusan	*17.2*	*6.1*	*50.6*	3.5
Bon Simpanan, *bersih*	-	-	(2.4)	-
Sukuk Perumahan Kerajaan, *bersih*	1.7	-	4.4	4.0
Oleh Sektor Swasta	**8.7**	**19.5**	**38.3**	**15.4**
Saham	1.0	7.4	16.0	4.2
Sekuriti hutang, *bersih*	7.7	12.0	22.2	11.2
Sekuriti Hutang Swasta	*22.6*	*36.0*	*83.9*	*20.5*
Tolak: Penebusan	*14.9*	*24.0*	*61.6*	*9.4*
Jumlah	**167.7**	**33.7**	**82.1**	**39.4**

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia


Terbitan PDS Mengikut Tujuan (% daripada jumlah)



¹ Termasuk terbitan oleh bukan pemastautin dan Cagamas dan untuk tujuan modal kerja dan aktiviti perniagaan am


Sumber: Bank Negara Malaysia

Arah Aliran Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia 5 tahun dan Sekuriti Hutang Swasta 5 tahun



Sumber: Bank Negara Malaysia

besar dana diperoleh sektor awam, berjumlah RM24 bilion (S4 2013: RM14.3 bilion).

Dalam sektor swasta, terbitan sekuriti hutang swasta baharu berjumlah RM20.5 bilion (S4 2013: RM36.0 bilion). Dana yang diperoleh digunakan terutamanya untuk modal kerja dan perbelanjaan am korporat. Sementara itu, terbitan ekuiti pada suku itu berjumlah RM4.2 bilion (S4 2013: RM7.4 bilion). Selepas membuat pelarasan bagi penebusan, dana bersih yang diperoleh sektor swasta berjumlah RM15.4 bilion (S4 2013: RM19.5 bilion).

Dalam sektor awam, dana kasar yang diperoleh meningkat kepada RM27.5 bilion (S4 2013: RM20.4 bilion). Dana diperoleh melalui terbitan baharu Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) 3 tahun, 7 tahun dan 10 tahun, serta pembukaan semula MGS 15 tahun dan Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issues, GII) 5 tahun, 7 tahun dan 10 tahun. Di samping itu, dana sebanyak RM4 bilion telah diperoleh melalui terbitan Sukuk Perumahan Kerajaan.

Kadar hasil bon sebahagian besarnya stabil


Meskipun pasaran kewangan global makin tidak menentu dan aktiviti penghindaran risiko yang meningkat dalam pasaran kewangan serantau, kadar hasil MGS secara relatif kekal tidak berubah pada suku pertama 2014. Permintaan terhadap MGS daripada institusi dalam negeri, dan jangkaan terhadap pendirian dasar monetari yang terus akomodatif di AS terus menyokong kadar hasil pada tempoh tersebut. Hasilnya, kadar hasil MGS 5 tahun dan 10 tahun masing-masing mencatat penurunan kecil sebanyak 0.1 dan 2 mata asas manakala MGS 3 tahun mencatat kenaikan sebanyak 7 mata asas.

Secara umumnya, kadar hasil bon korporat meningkat pada suku pertama. Kadar hasil bon korporat AAA dan AA 5 tahun masing-masing meningkat sebanyak 18 dan 14 mata asas, manakala kadar hasil bon korporat A menyusut sebanyak 9 mata asas.

Urus niaga sekunder dalam pasaran bon menurun

Jumlah urus niaga dalam pasaran sekunder menurun sedikit kepada RM137 bilion pada suku pertama (S4 2013: RM139 bilion). Berbanding dengan suku sebelumnya, segmen MGS mencatat nisbah mudah tunai yang lebih rendah pada 0.26, segmen GII mencatat nisbah mudah tunai yang lebih tinggi sebanyak 0.18, manakala segmen PDS secara relatif tidak berubah pada 0.06.

Nisbah Mudah Tunai: Nilai Bon yang Diurusniagakan / Nilai Terkumpul




Sumber: Bank Negara Malaysia

FBM KLCI menyusut sedikit

Pada suku pertama, FBM (FTSE Bursa Malaysia) KLCI menyusut sebanyak 17.8 mata untuk ditutup pada 1,849.2 mata (akhir bulan Disember 2013: 1,867 mata). Penyusutan didorong terutamanya oleh kebimbangan para pelabur terhadap lanjutan pengecilan program pembelian aset oleh Federal Reserve Amerika Syarikat, prospek pertumbuhan dalam beberapa ekonomi sedang pesat membangun dan perkembangan geopolitik di Eropah Timur. Walau bagaimanapun, penyusutan ini diimbangi oleh sentimen positif dalam pasaran berikutan siaran data ekonomi Malaysia dan data pekerja Amerika Syarikat yang menggalakkan. Secara keseluruhan, permodalan pasaran meningkat kepada RM1.72 trilion pada akhir bulan Mac 2014 (akhir bulan Disember 2013: RM1.70 trilion) manakala urus niaga purata harian meningkat kepada 2.05 bilion unit (S4 2013: 1.70 bilion unit) pada suku itu.

Pada 14 Mei 2014, KLCI ditutup lebih tinggi pada 1,879.2 mata (sejak akhir bulan Mac 2014: 1.6%), dengan permodalan pasaran sebanyak RM1.75 trilion (sejak akhir bulan Mac 2014: 1.6%).

Prestasi Pasaran Global dan Serantau Terpilih pada 2014 (% pertumbuhan suku tahunan)



Sumber: Bloomberg dan pengiraan oleh Bank Negara Malaysia

Bursa Malaysia: Penunjuk Pasaran Terpilih

	2013			2014
	Pada akhir			
	Mac	Dis	Tahun	Mac
Indeks harga				
Komposit	1,671.6	1,867.0	1,867.0	1,849.2
FBMEMAS[1]	11,420.5	12,853.6	12,853.6	12,797.6
Pasaran ACE[2]	4,008.3	5,675.8	5,675.8	6,661.3
Permodalan pasaran (RM bilion)	1,472.5	1,702.2	1,702.2	1,719.1
Bilangan syarikat yang disenaraikan	915	911	911	907
	Pada tempoh			
	S1	S4	Tahun	S1
Urus niaga harian purata				
Jumlah (juta unit)	1,070.6	1,704.7	1,567.3	2,046.4
Nilai (RM juta)	1,716.1	2,330.2	2,157.2	2,158.8

[1] FBMEMAS mewakili pasaran Indeks FTSE Bursa Malaysia EMAS
[2] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran MESDAQ digantikan dengan Pasaran ACE

Sumber: Bursa Malaysia

Bursa Malaysia: Urus Niaga Pasaran

	2013						2014	
	S1		S4		Tahun		S1	
	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion
Urus niaga	62.1	99.5	107.4	146.8	386.9	527.8	120.7	127.4
Antaranya:								
Papan Utama	48.9	97.9	80.0	140.7	305.2	512.3	91.3	119.7
Antaranya								
Produk Pengguna	3.1	5.3	7.3	5.5	20.9	22.6	8.4	7.1
Produk Industri	8.7	7.0	9.6	9.7	51.5	40.4	18.9	13.1
Pembinaan	2.4	3.9	2.8	4.6	15.1	25.0	4.0	5.9
Dagangan/Khidmat	16.6	42.3	34.6	81.0	111.4	229.1	33.9	51.9
Kewangan	3.5	21.9	4.0	18.2	17.2	103.2	3.4	18.8
Harta Benda	5.1	5.7	8.8	6.7	34.0	35.6	10.5	7.8
Perladangan	1.2	4.8	1.7	5.6	5.5	19.6	1.7	5.4
Infrastruktur	1.2	4.1	1.9	5.0	6.5	19.1	1.5	4.7
Pasaran ACE[1]	10.5	1.3	24.4	5.5	69.7	13.5	26.8	7.0

[1] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran MESDAQ digantikan dengan Pasaran ACE


Sumber: Bursa Malaysia

Ringgit terus dipengaruhi oleh ketidaktentuan luaran

Ringgit dan kebanyakan mata wang serantau yang lain terus dipengaruhi oleh perkembangan global pada suku pertama tahun 2014. Permulaan pengecilan skala program pembelian aset Federal Reserve AS, kebimbangan terhadap prospek pertumbuhan bagi beberapa ekonomi sedang pesat membangun dan perkembangan geopolitik telah menyebabkan aktiviti penghindaran risiko meningkat dan aliran keluar dana dari pasaran kewangan serantau. Walau bagaimanapun, jangkaan bahawa langkah-langkah rangsangan akan dilaksanakan di RR China serta dasar monetari yang terus akomodatif di AS memberikan sokongan kepada ringgit pada suku tersebut.

Secara keseluruhan, ringgit menambah nilai sebanyak 0.4% berbanding dengan dolar AS. Ringgit juga menambah nilai berbanding dengan euro (0.7%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan paun sterling (-0.5%) dan yen Jepun (-1.5%). Ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding dengan mata wang serantau.

Ringkasan Prestasi Ringgit berbanding dengan Mata Wang Terpilih Peratus Perubahan (1 Januari - 31 Mac 2014)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Antara 1 April hingga 14 Mei 2014, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS sebanyak 1.4%. Ringgit juga menambah nilai berbanding dengan euro (1.6%), yen Jepun (0.7%), paun sterling (0.1%) dan kebanyakan mata wang serantau.


Aktiviti pasaran bagi derivatif pertukaran asing meningkat pada suku pertama

Jumlah swap pertukaran asing, niaga hadapan dan opsyen meningkat sebanyak 37.2% dari suku keempat tahun 2013.

Peningkatan ini didorong terutamanya oleh aktiviti swap pertukaran asing yang berkembang sebanyak 43% dari suku keempat tahun 2013 kerana peserta antara bank menyokong peningkatan aktiviti dagangan dan perlindungan nilai dalam persekitaran pasaran yang semakin tidak menentu. Aktiviti dalam pasangan mata wang USD/CNY juga meningkat apabila pasaran memberi tindak balas terhadap keputusan PBoC untuk memperluas band perdagangan yuan daripada +/- 1% kepada +/- 2%.


Sementara itu, kos peminjaman dolar AS melalui pasaran swap mata wang bersilang pada awalnya meningkat sepanjang bulan Januari dan Februari, dengan swap mata wang bersilang USD/MYR 5 tahun meningkat sebanyak 15 mata asas kepada tahap tertinggi 85 mata asas pada tempoh tersebut. Walau bagaimanapun, angka ini menurun kepada 78 mata asas pada bulan Mac berikutan kadar dan keseragaman pengecilan skala program pembelian aset Federal Reserve AS yang lebih jelas.

Prestasi Ringgit berbanding dengan Mata Wang Utama



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit berbanding dengan Mata Wang Serantau



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit berbanding dengan Mata Wang Terpilih

RM bagi satu unit mata wang asing	Pada akhir tempoh				% perubahan sejak*		
	21 Jul 05	S1 13	S4 13	S1 14	21 Jul 05	S1 13	S4 13
Dolar AS	3.8000	3.0885	3.2815	3.2685	16.3	-5.5	0.4
Euro	4.6212	3.9618	4.5263	4.4934	2.8	-11.8	0.7
Paun sterling	6.6270	4.6971	5.4076	5.4354	21.9	-13.6	-0.5
Dolar Australia	2.8823	3.2174	2.9299	3.0173	-4.5	6.6	-2.9
100 yen Jepun	3.3745	3.2811	3.1281	3.1770	6.2	3.3	-1.5
Dolar Singapura	2.2570	2.4911	2.5943	2.5927	-12.9	-3.9	0.1
100 baht Thai	9.0681	10.545	9.9757	10.077	-10.0	4.6	-1.0
100 peso Filipina	6.8131	7.5606	7.3908	7.2795	-6.4	3.9	1.5
100 rupiah Indonesia	0.0386	0.0318	0.0269	0.0288	34.3	10.5	-6.4
100 won Korea	0.3665	0.2773	0.3108	0.3065	19.6	-9.5	1.4
100 dolar Taiwan Baharu	11.890	10.342	11.009	10.727	10.8	-3.6	2.6
Renminbi China	0.4591	0.4973	0.5422	0.5251	-12.6	-5.3	3.3

* (+) menunjukkan penambahan nilai ringgit berbanding dengan mata wang berkenaan dan (-) menunjukkan penyusutan nilai.

Sumber: Bank Negara Malaysia

MENGURUSKAN RISIKO TERHADAP KESTABILAN KEWANGAN

Kestabilan kewangan dalam negeri terus terpelihara

Sistem kewangan Malaysia terus berdaya tahan pada suku pertama meskipun pasaran kewangan global dan domestik mengalami turun naik. Pengantaraan kewangan terus disokong dengan baik oleh institusi kewangan yang kukuh, keadaan pasaran kewangan yang teratur dan keyakinan yang berterusan terhadap sistem kewangan.


Risiko kredit dalam sistem perbankan terus stabil sepanjang suku pertama kerana peminjam mempunyai keupayaan untuk membayar balik hutang secara umum. Paras pinjaman terjejas bersih dan pinjaman tertunggak antara satu hingga tiga bulan hampir tidak berubah pada 1.3% daripada pinjaman bersih (S4 2013: 1.3%) dan 2.4% daripada jumlah pinjaman (S4 2013: 2.5%). Saiz dedahan risiko kredit industri insurans, terutamanya melalui pemegangan sekuriti hutang swasta dan penempatan insurans semula, terus stabil pada 3.4% daripada modal asas (S4 2013: 3.3%).

Pada suku pertama, agregat peminjaman isi rumah melalui bank dan institusi kewangan bukan bank utama meningkat pada kadar lebih sederhana iaitu 2.3% berbanding dengan suku sebelumnya (S4 2013: +2.9%) kepada RM873.3 bilion (S4 2013: RM854.3 bilion). Pada asas tahunan, hutang isi rumah agregat juga meningkat dengan lebih sederhana sebanyak 11.0% (S1 2013: 13.9%). Trend ini mencerminkan terutamanya pertumbuhan yang secara relatif lebih perlahan dalam pembiayaan untuk kegunaan persendirian serta pembelian harta dan kenderaan motor pada suku itu. Bersama-sama keadaan pendapatan dan guna tenaga yang stabil, pinjaman terjejas dan pinjaman tertunggak sektor isi rumah antara satu hingga tiga bulan terus menyusut dan masing-masing mencakupi 1.2% dan 1.7% daripada jumlah peminjaman oleh sektor perbankan (S4 2013: masing-masing 1.3% dan 2.1%). Pada paras agregat, aset kewangan isi rumah terus kukuh pada 2.2 kali hutang isi rumah.

Nisbah perlindungan faedah keseluruhan bagi perniagaan meningkat kepada 9 kali dalam suku keempat 2013 (S3 2013: 6.1 kali) disokong oleh keuntungan operasi yang lebih tinggi, manakala leveraj seperti yang diukur oleh nisbah hutang kepada ekuiti adalah stabil pada 39.7% (S3 2013: 39.2%). Tunai agregat dan kesamaan tunai (cash equivalent) bagi perniagaan mencakupi 11.5 kali kos kewangan (S3 2013: 11.4 kali). Aset semasa juga stabil pada 1.8 kali liabiliti semasa (S3 2013: 1.9 kali). Kualiti dedahan kredit sistem perbankan terhadap perniagaan terus teguh, dengan nisbah pinjaman terjejas dan pinjaman tertunggak antara satu hingga tiga bulan masing-masing pada 2.8% dan 0.5% daripada jumlah pinjaman perniagaan (S4 2013: masing-masing 2.8% dan 0.4%). Risiko mungkir, seperti yang diukur oleh kebarangkalian jangkaan mungkir, kekal rendah dan bertambah baik kepada 0.18% (S4 2013: 0.23%) dalam keadaan prestasi kewangan perniagaan yang mampan.

Ketidaktentuan dalam pengantaraan aliran portfolio jangka pendek diurus dengan baik tanpa mengganggu pasaran kewangan domestik dan aktiviti pengantaraan. Purata ketidaktentuan bagi kadar hasil MGS 10 tahun dan FBM KLCI masing-masing menyusut kepada 10.7% dan 7.1% (S4 2013: masing-masing 15.5% dan 8.8%) berikutan langkah pengecilan skala program pelonggaran kuantitatif oleh Federal Reserve yang

Sistem Perbankan: Kualiti Pinjaman




Sumber: Bank Negara Malaysia

lebih jelas. Permintaan institusi tempatan terhadap ekuiti dan bon sedikit sebanyak turut menyumbang kepada pengurangan sebahagian daripada ketidaktentuan dalam pasaran kewangan domestik. Spread bida tawar MGS dan FBM KLCI masing-masing berpurata pada 0.1% dan 0.4% daripada harga pertengahan (S4 2013: masing-masing 0.1% dan 0.7%). Nisbah pusing ganti MGS dan FBM KLCI masing-masing terus stabil pada 9.1% dan 1.8% (S4 2013: masing-masing 9.7% dan 1.6%).

Dedahan risiko pasaran terus diurus dengan wajar oleh institusi kewangan, disokong oleh strategi pengurusan risiko dan perlindungan nilai yang proaktif dan berterusan. Dedahan bank kepada risiko kadar faedah dalam buku dagangan mencakupi 1.7% daripada jumlah modal (S4 2013: 1.6%). Dedahan kepada risiko ekuiti meningkat sedikit kepada 0.9% daripada jumlah modal (S4 2013: 0.8%), manakala kedudukan terbuka bersih pertukaran asing sistem perbankan meningkat kepada 6.2% daripada jumlah modal pada suku itu (S4 2013: 5.7%). Dedahan risiko pasaran industri insurans meningkat sedikit untuk mencakupi 12.4% (S4 2013: 12.3%) daripada jumlah modal yang tersedia, didorong oleh risiko ekuiti yang lebih tinggi, yang membentuk 7.7% (S4 2013: 7.6%) daripada jumlah modal yang tersedia.


Bank Negara Malaysia terus memantau dengan rapi tanda-tanda kemungkinan meningkatnya risiko dalam system kewangan. Meskipun peningkatan hutang isi rumah terus sederhana susulan pelaksanaan langkah-langkah kehematan makro dan mikro, hutang isi rumah kekal tinggi terutamanya dalam kalangan isi rumah yang berpendapatan lebih rendah. Pengawasan yang rapi perlu dikekalkan terhadap amalan pemberian pinjaman dalam segmen isi rumah dan harta tanah yang boleh menyumbang kepada ketidakseimbangan kewangan. Pengurusan risiko berhemat yang berterusan oleh institusi kewangan dan perniagaan juga wajar dalam persekitaran yang keadaaan pasarannya dijangka terus tidak menentu.

Sistem Perbankan: Permodalan mengikut Basel III



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sektor Insurans: Permodalan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sektor kewangan terus kukuh dan berdaya tahan


Permodalan sistem perbankan terus kukuh dengan nisbah modal ekuiti biasa kumpulan 1 (CET1), nisbah modal kumpulan 1 dan nisbah jumlah modal telah jauh melebihi paras pengawalseliaan minimum, masing-masing pada 12%, 12.8% dan 14.4%. Jumlah penampan modal sistem perbankan berada pada paras melebihi RM80 bilion. Lebih daripada 80% jumlah modal bank merangkumi modal berkualiti tinggi, yang terdiri daripada modal berbayar, keuntungan tertahan dan rizab. Nisbah kecukupan modal sektor insurans juga kekal kukuh pada 249.7% (S4 2013: 246.1%), dengan penampan modal yang melebihi RM25 bilion.

Sistem perbankan mencatat keuntungan sebelum cukai sebanyak RM8 bilion pada suku pertama tahun 2014 (S4 2013: RM8.2 bilion),

dengan pulangan atas aset dan ekuiti masing-masing pada 1.5% dan 16% (S4 2013: masing-masing 1.5% dan 15.9%). Paras keuntungan yang rendah sedikit adalah disebabkan oleh pertumbuhan pendapatan yang lebih rendah daripada aktiviti perdagangan, dan perkhidmatan berkaitan pengunderaitan dan nasihat korporat. Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan oleh penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga kekal tidak berubah pada RM3.2 bilion kerana pembayaran manfaat polisi bersih yang lebih rendah mengimbangi kerugian pelaburan tidak direalisasi bersih yang lebih tinggi pada suku itu. Penanggung insurans am dan pengendali takaful am mencatat keuntungan operasi yang lebih rendah iaitu RM816.9 juta (S4 2013: RM1 bilion) disebabkan oleh pendapatan pelaburan dan pendapatan premium diperoleh yang lebih rendah.


Mudah tunai dalam sistem perbankan lebih daripada mencukupi dengan penampan untuk memenuhi keperluan mudah tunai jangka pendek dalam tempoh satu minggu dan satu bulan kekal melebihi keperluan kawal selia minimum, masing-masing pada 14.2% daripada jumlah deposit (S4 2013: kedua-duanya 14.7%). Penempatan bersih oleh institusi perbankan dengan Bank Negara Malaysia, yang boleh digunakan untuk memenuhi keperluan mudah tunai tambahan, berjumlah RM115 bilion (S4 2013: RM135 bilion). Kedudukan ketakpadanan dolar AS dalam kelompok matang kurang daripada satu minggu dan satu bulan masing-masing mencatat lebihan bersih sebanyak RM1.7 bilion dan RM7.9 bilion (S4 2013: lebihan masing-masing sebanyak RM1.5 bilion dan RM5.3 bilion) meskipun terdapat aliran keluar modal bersih pada suku tersebut.

Sistem Perbankan: Keberuntungan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sistem Perbankan: Nisbah Penampan Mudah Tunai kepada Jumlah Deposit



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sektor Insurans dan Takaful: Penunjuk

	2013			2014
	S1	S4	Tahun	S1
	RM juta			
Insurans hayat & takaful keluarga				
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	3,784.1	3,322.3	13,165.3	3,205.9
Insurans am & takaful am				
Keuntungan kendalian	739.6	1,063.7	3,223.4	816.9
Nisbah tuntutan (%)	58.3	57.1	57.1	54.9
	Perubahan tahunan (%)			
Insurans hayat & takaful keluarga				
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	-3.3	-28.2	-26.5	-15.3
Insurans am & takaful am				
Keuntungan kendalian	17.5	24.6	14.7	10.4
Nisbah tuntutan (mata peratusan)	-2.2	-0.2	-0.2	-3.4

Sumber: Bank Negara Malaysia